

BAB. V

BAB. V

ANALISIS TERHADAP PEMIKIRAN IBN JARĪR AL-ṬABARĪ

5. 1. Mengutamakan Takwil Daripada al-Qur'ān al-Karīm

Langkah pertama yang diterapkan oleh Imam al-Ṭabari dalam mentakwil al-Qur'ān ialah dengan mentakwil al-Qur'ān dengan al-Qur'ān sama ada ia berupa *nāsikh mansūkh*, *'am khās*, *muqayyad muṭlaq*, *mujmal mubayyān*, halal haram, hukum hakam, segala sesuatu yang tidak ditemui takwilnya kecuali beberapa penjelasan daripada Allah melalui lisan Nabi Muḥammad s.a.w. Dalam *muqaddimah* (pembukaan) kitabnya, Imam al-Ṭabari menyatakan:

"Bahawa ada di antara takwil al-Qur'ān yang tidak diketahui ilmunya melainkan adanya penjelasan dari Rasul s.a.w. seperti huraian susunan perkataan daripada setiap ayat perintah atau laranganNya, halal haramNya, batasan-batasanNya, fardufarduNya dan seluruh makna syariat agamaNya yang menyeluruh semasa diturunkan dan perlu ditafsirkan oleh hambanya kerana merupakan suatu keperluan. Seorang hamba tidak dapat mengetahui takwilan-takwilan (makna-makna syariat Allah) kecuali melalui penjelasan langsung daripada Allah melaui lidah RasulNya Muḥammad s.a.w."¹

Untuk membuktikan kenyataan beliau di atas, beberapa petikan ayat berikut dapat menjelaskan lagi. Firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

﴿صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ﴾

¹ Tafsir al-Ṭabari (t.t.), op. cit., j. 1, h. 87.

Terjemahan:

"Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan ni'mat kepada mereka."

Surah al-Fātiḥah (1): 7.

Ayat di atas menurut Imam al-Tabari adalah penjelas kepada ayat berikut:

﴿ إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴾

Terjemahan:

"Tunjukilah kami jalan yang lurus."

Surah al-Fātiḥah(1):6.

Contoh yang lain dalam ayat berikut:

﴿ إِنَّ الْإِنْسَانَ حُلْقَ هَلْوَعًا ﴾

Terjemahan:

"Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabi'at resah gelisah lagi bakhil kedekut."

Surah al-Ma'ārij (70): 19.

Menurut Imam al-Tabari, ayat tersebut ditakwil oleh ayat yang selepasnya iaitu:

﴿ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ حَزْوَعًا ﴾

Terjemahan:

"Apabila ia ditimpah kesusahan, ia sangat resah gelisah."

Surah al-Mâ'ārij (70): 20.

Menurut ulama bahasa, jenis takwilan di atas dinamakan dengan *badal minhu* atau menurut ulama al-Qur'an dinamakan 'aṭaf al-bayān atau jumlah al-tafsīriyyah. Takwilan sebegini, banyak ditemukan di dalam al-Qur'an. Dalam situasi tertentu, al-Qur'an memberikan redaksi global dan umum baik berupa perintah, larangan atau lain-lainnya tanpa disertai penjelasan atau maksud dari suatu ayat. Namun, dalam situasi yang lain pula, al-Qur'an itu sendiri yang akan memberikan penjelasan. Contohnya di dalam ayat berikut:

﴿ قَالَ رَبُّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَمْ تَعْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَكُوئِنٌ مِّن﴾

الْأَسْرِينَ ﴿﴾

Terjemahan:

"Mereka berdua merayu: "Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi."

Surah al-A'rāf (7): 23.

Menurut pendapat Ibn 'Abbās, Ibn Zayd, dan Mujāhid termasuklah Imam al-Tabarī, ayat di atas penjelasan kepada ayat berikut:

﴿ قَلَقْتُ أَدْمٌ مِّنْ رَبِّيِّهِ كَلِمَاتٍ فَقَابَ عَلَيْهِ إِئْمَةٌ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴽ﴾

Terjemahan:

"Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhan yang beberapa kalimah (perkataan-perkataan pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah menerima taubatnya; sesungguhnya Allah, Dialah Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihi."

Surah al-Baqarah (2): 37.

Namun demikian, ada juga yang mengatakan bahawa ayat yang diterima oleh Nabi Adam adalah berbentuk kalimat yang berbunyi:

"Ya Allah, tiada Tuhan selain Engkau, maha suci Allah dan segala puji hanya bagimu. Ya Tuhanmu, sungguh aku menyakiti diriku sendiri, maka ampunilah aku sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik pemberi pengampunan. Ya Allah tiada Tuhan selain Engkau, maha suci Allah dan segala puji hanya bagimu. Ya Tuhanmu sungguh aku telah menyakiti diriku sendiri, maka kasihilah aku sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik pengasih. Ya Allah tiada Tuhan selain Engkau, maha suci Allah dan segala puji hanya bagimu, ya Tuhanmu aku telah menyakiti diriku sendiri maka terimalah taubatku sesungguhnya Engkau maha penerima taubat."²

Pada pendapat Imam al-Tabarī, takwil jenis kedua ini tidak berasas. Ini kerana, tidak ada sandaran atau bukti bagi memperkuat pendapat tersebut. Namun begitu, tegas Imam al-Tabarī lagi, tidak harus ditolak kerana kandungan isinya adalah sama³ iaitu memohon maaf atau taubat yang daripada Nabi Adam a.s. kepada Allah s.w.t. dan tidak menyalahi atau berlawanan dengan redaksi al-Qur'ān. Meskipun, beliau sendiri merupakan tokoh yang cukup keras menolak pendapat-pendapat yang tidak berasas apabila pendapat tersebut berlawanan dengan metodeologi atau kaedah tertentu yang beliau terapkan.

² Tafsir Ibn Kathir (t.t.), op. cit., j. 1, h. 82.

³ Tafsir al-Tabarī (t.t.), op. cit., j. 1, h. 546.

5.2. Mendahulukan Takwil Daripada Hadith Nabi

Pada permulaan kitabnya, Imam al-Tabarī mencatatkan bahawa Allah hanya akan memberikan ilmu mentakwil al-Qur'ān kepada Nabi Muḥammad s.a.w. sahaja. Al-Qur'ān tidak dapat difahami dengan jelas kecuali adanya penjelasan daripada takwil Nabi Muḥammad s.a.w.⁴ Menurut Makhlūl, al-Qur'ān memerlukan sunah begitu juga sunah memerlukan al-Qur'ān. Menurut Aḥmad bin Ḥanbal pula, al-Sunnah menerangkan al-Qur'ān dan menjelaskannya. Manakala menurut Imam al-Syafī'i bahawa apa yang ditetapkan oleh Nabi Muḥammad adalah diambil pemahamannya daripada al-Qur'ān.⁵ Dalam satu ḥādiṭh, Nabi Muḥammad s.a.w. bersabda:

﴿ أَلَا إِنِّي أُوْتِيتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ. أَلَا يُوشِّكُ رَجُلٌ شَبَّاعٌ مُّؤْكِنٌ عَلَىٰ أَرِيكَتِيهِ يَقُولُ عَلَيْكُمْ بِهَذَا الْقُرْءَانَ، فَمَا وَجَدْتُمْ فِيهِ مِنْ حَلَالٍ فَأَحَلُوهُ، وَمَا وَجَدْتُمْ فِيهِ مِنْ حَرَامٍ فَحَرَمْتُهُ، أَلَا لَا يَحِلُّ لَكُمْ الْحِمَارُ الْأَهْلِيُّ، وَلَا كُلُّ ذِي نَابٍ مِنَ النَّبَّاعِ، وَلَا لَقْطَةٌ مُّعَاهِدٌ، إِلَّا أَنْ يَسْتَغْنَىَ عَنْهَا صَاحِبُهَا، وَمَنْ نَزَّلَ بِقَوْمٍ فَعَلَيْهِمْ أَنْ يُقْرَرُوهُ، فَإِنْ لَمْ يُقْرَرُوهُ فَعَلَيْهِ أَنْ يَعْتَسِبُهُمْ بِعِلْمٍ قَرَاءَةً ﴾

Maksudnya:

"Bukankah saya telah berikan al-Kitab (al-Qur'ān) dan yang seumpama dengannya. Ada seorang lelaki puas duduk bersandar disofanya bergegas berperkataan jangan engkau abaikan al-Qur'ān ini. Jika kamu temukan kehalalan di dalamnya maka halalkanlah dan jika kamu temukan keharaman di dalamnya maka haramkanlah. Bukankah aku telah melarang kamu memakan

⁴ *Ibid.*, h. 92.

⁵ Al-Suyū'ī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 174.

daging keledai, setiap binatang yang bertaring dan barang temuan yang telah di kenal kecuali pemiliknya sudah tidak memerlukan barang tersebut. Sesiapa sahaja berhenti pada satu kaum maka menetaplah bersamanya, kalau tidak berilah keterangan kepadanya seperti di tetapkan al-Qur'ān.⁶

الْأَنْبِيَّ أُوْرَسَتُ الْكِتَابَ وَجِئْنَاهُ مَعَهُ

Imam al-Khaṭṭābī menyatakan bahawa maksud “*الْأَنْبِيَّ أُوْرَسَتُ الْكِتَابَ وَجِئْنَاهُ مَعَهُ*” itu adalah Nabi Muḥammad di beri wahyu batin (yang tidak diucapkan) seperti diberikan wahyu zahir (yang diucapkan) atau Baginda diberikan wahyu kitab (al-Qur'ān) yang dibaca dan diberikan penjelasan seumpamanya.⁷ Ini bermaksud, Baginda diberi kuasa penuh oleh Allah untuk menjelaskan, menghurai dan memaparkan isi kandungan al-Qur'ān kepada umatnya. Umat Islam tidak boleh memahami kandungan al-Qur'ān kecuali adanya keterangan atau penjelasan dari Nabi. Kisah Mu'ādh bin Jabal ketika dihantar ke negeri Yaman merupakan contoh yang cukup baik dan teladan bagi kita semua. Ketika ditanya oleh Baginda: “dengan apa kamu memutuskan hukum”? Jawab beliau: “dengan kitab Allah (al-Qur'ān), lalu kalau kamu tidak menemukannya”? Jawabnya lagi: “dengan Sunnah Nabi”.

Menyadari pentingnya hadith dalam menjelaskan isi al-Qur'ān, Imam al-Tabārī meletakkan hadith pada posisi kedua selepas al-Qur'ān sebagai sumber utama takwilnya. Seakan-akan beliau berazam tidak akan melepaskan satu hadithpun yang mentakwil terhadap suatu ayat. Oleh itu, kita dapat banyak hadith yang berhubung kait dalam mentakwil ayat-ayat tertentu. Sebagai contoh dalam mentakwil ayat:

⁶Abū Dāwūd Sulaymān bin al-As'asy bin Ishaq al-Azādī (2000), *Sunan Abī Dāwūd*. (ed). Shāleh bin 'Abd 'Azīz bin Muḥammad Ibrāhīm al-Syaykh, c. 3. AL-Riyād: Dār al-Salam li al-Nathr wa al-Tawzī', h. 1561. Kitab al-Sunnah, bab fī Luzūm al-Sunnah. No. 4604.

⁷Abū Syahbah (1408), *op. cit.*, h. 46.

﴿ وَلَا تُنْهِيُ الْمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنْ لَا يَشْعُرُونَ ﴾

Terjemahan:

"Dan janganlah kamu mengatakan (bahawa) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela ugama Allah itu: orang-orang mati; bahkan mereka itu orang-orang hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa), tetapi kamu tidak dapat menyadarinya".

Surah al-Baqarah (2): 154.

Bagi takwil ayat di atas, Imam al-Tabarī membawakan petikan hadith Nabi melalui sanad Ibn 'Abbās seperti berikut:

﴿ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الشُّهَدَاءُ عَلَىٰ بَارِقِ نَهْرٍ بِيَابِسٍ فِي قَبْرَةٍ حَضْرَاءٍ。 وَقَالَ عَبْدَةُ: فِي رَوْضَةٍ حَضْرَاءٍ، يَخْرُجُ عَلَيْهِمْ رِزْقُهُمْ مِنَ الْجَنَّةِ بُكْرَةً وَعَشْيًا ﴾

Maksudnya:

"Dari Ibn 'Abbās, beliau berperkataan, Rasulullah s.a.w. bersabda: "syuhādā" itu bagaikan sungai yang jernih, airnya mengalir di depan pintu syurga berbentuk kubah hijau'. 'Ubādah berperkataan : "seperti taman hijau subur, rezeki mereka keluar dari syurga pagi dan petang."⁸

Selain hadith, Imam al-Tabarī juga membawakan makna ayat di atas dengan mengemukakan beberapa pendapat ulama terkemuka dalam takwil. Qatādah mengatakan bahawa ruh syuhada di syurga kelak digambarkan seperti burung berwarna putih yang bermaksud buah yang ada di syurga dan tempat

⁸ Tafsir al-Tabarī (1995), op. cit. j. 2, h. 55.

tinggalnya ialah di *sidrah al-muntahā*.⁹ Mereka akan mendapat pahala yang berlipat kali ganda daripada Allah Yang Maha Kuasa dan Yang Maha Hidup. Imam al-Tabarī mengatakan bahawa kalauolah mereka itu benar mati, tentu tidak dapat merasai dan tidak akan menemukan kenikmatan kerana hilangnya kehidupan dan tidak adanya indera perasa.¹⁰

Di dalam contoh yang lain, ketika memberikan takwil ayat 203 dari surah al-Baqarah yang berbunyi:

﴿ وَإِذْ كُرُّوا اللَّهُ فِي أَيَّامٍ مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ لِمَنِ اتَّقَى ﴾

Terjemahan:

“Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka ia tidaklah berdosa, dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertaqwa.”

Surah al-Baqarah (2): 203.

Bagi mentakwil ayat *أَيَّامٍ مَعْدُودَاتٍ*, Imam al-Tabarī membawakan beberapa hadith Nabi Muhammad melalui riwayat Umar bin Dīnār, ‘Ā’isyah dan Abū Hurayrah. Hadithnya yang berbunyi:

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*, h. 53.

﴿عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ عَبْدَ اللَّهِ
ابْنَ حُذَافَةَ يَطْوِفُ فِي مِنَى إِنَّ لَا تَصُومُوا هَذِهِ الْأَيَّامَ فَإِنَّهَا أَيَّامٌ أَكْلٌ
وَشُرْبٌ وَذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ﴾

Maksudnya:

"Dari Abū Hurayrah, sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah mengutus 'Abd Allah bin Khudhafah mengelilingi Mina. Hari ini janganlah kamu semua berpuasa, kerana hari ini adalah hari untuk makan, minum dan zikir kepada Allah s.w.t."¹¹

Selain itu, riwayat daripada sayyidatina 'Ā'isyah r.a.yang berbunyi:

﴿عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِنَّ هَذِهِ الْأَيَّامَ أَيَّامٌ أَكْلٌ وَشُرْبٌ
وَذِكْرِ اللَّهِ﴾

Maksudnya:

"Dari 'Ā'isyah, sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: "Hari ini adalah hari untuk makan, minum dan zikir kepada Allah.""¹²

Di dalam ayat yang lain menyebut:

﴿فَمَنْ تَعْجَلَ فِي يَوْمِيْنِ فَلَا إِيمَانَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأْخُرَ فَلَا إِيمَانَ
عَلَيْهِ لِمَنِ اتَّقَى﴾

Terjemahan:

"Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa, dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertaqwa

¹¹ Ibid., h. 415.

¹² Ibid.,

Bagi mentakwil ayat di atas, Imam al-Tabarī mengemukakan beberapa hadith seperti berikut:

﴿ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَابُعُوا يَنِّ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةِ فَإِنَّهُمَا يَغْفِرَانِ النَّقَرَ وَالذُّنُوبَ كَمَا يَغْفِرِي الْكِبِيرُ حَبْثَ الْحَدِيدِ وَالْدَّهْبِ وَالْفِضَّةِ، وَلَيْسَ لِلْحَجَّ مُبَرُّوْرَةٌ ثَوَابُهُ دَوْنَ الْجَنَّةِ ﴾

Maksudnya:

"Rasulullah s.a.w. bersabda, iringilah perbuatan haji dan 'umrah kamu. Ini kerana dua ibadah itu boleh menghilangkan dosa, umpama tukang besi yang membuang kotoran besi, emas dan perak. pahala haji mabrur tiada lain kecuali syurga ."¹³

﴿ عَنْ عُمَرَ يَأْلُغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَابُعُوا يَنِّ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةِ، فَإِنَّ مُتَابِعَةَ مَا يَغْنِمُهُمَا تَغْفِرَانِ النَّقَرَ وَالذُّنُوبَ كَمَا يَغْفِرِي الْكِبِيرُ الْخَبْثَ، أَوْ حَبْثَ الْحَدِيدِ ﴾

Maksudnya:

"Dari padanya 'Umar, Nabi Muhammad s.a.w. memberitahu padanya. Iringilah perbuatan haji dan umrahmu, maka sesungguhnya apabila menyertakan antara haji dan umrah itu boleh menghapuskan kefakiran dan dosa seperti tukang besi membuang kotoran atau karat besi."¹⁴

Pada perbincangan yang lalu, Imam al-Tabarī telah mengemukakan takwilan dengan menggunakan metode analisis iaitu dengan mengemukakan

¹³ Ibid., h. 422.

¹⁴ Ibid.

bermacam-macam pendapat ulama atau syair yang berkaitan dengan ayat yang sedang ditakwil. Begitu juga halnya, beliau mendatangkan banyak riwayat-riwayat hadith bagi mentakwil sesuatu ayat. Beliau menggunakan metode yang baik dengan menyusun riwayat hadith dan meletakkannya pada posisinya dengan tepat, secara rapi dan sistematis sehingga memudahkan para pembaca dan pengkaji kitabnya.

Apabila ditemukan bermacam-macam hadith atau pendapat-pendapat ulama yang sesuai dengan ideanya, maka beliau menggunakan istilah وَيَسْعِيُ النَّبِيُّ فَلَمَنِي ذَلِكَ قَالَ أَمْلُ الْتَّأْوِيلِ atau istilah-istilah lain yang seumpama dengannya. Apabila didapati wujud perbezaan pendapat sama ada pada hadith atau sebagainya, beliau selalu menggunakan istila وَحَتَّىْفَ أَمْلُ الْتَّأْوِيلِ, قَالَ بِعِصْمَهُمْ كَذَّا وَكَذَّا diikuti dengan menyebutkan riwayat hadith daripada para Sahabat r.a. dan tabi'in.

Imam al-Tabarî akan mendahulukan takwil yang diperoleh daripada hadith, namun jika didapati di sana wujud keraguan pada sanadnya, maka beliau akan mengabaikan dan menggunakan makna yang berlaku di dalam masyarakat arab. Misalnya, dalam mentakwil ayat berikut:

﴿ وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سِيرًا ﴾

Terjemahan:

"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya."

Dalam hadith ini, perkataan سَيِّلًا bermakna bekal dan kenderaan seperti yang diterangkan oleh beberapa hadith di antaranya hadith berikut:

﴿ حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ سَانَ، قَالَ: قَالَ شَرِيكٌ أَبُو حُذَيْفَةَ، قَالَ: شَرِيكٌ سُفِيَّانُ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ السُّخُوزِيِّ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَبَادٍ، عَنْ عُمَرَ، أَنَّ الَّتِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي قَوْلِهِ عَزَّ وَجَلَّ ﴿مِنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَيِّلًا﴾ قَالَ: (السَّبِيلُ إِلَى الْحَجَّ الرَّزَادُ وَالرَّاجِلَةُ) ﴾

Maksudnya:

"Menceritakan Muḥammad bin Sanān telah berkata, berkata, dari Abū Ḥuzayfah, berkata, daripada Sufyān daripada Ibrāhīm al-Khūzī, daripada Muḥammad bin 'Abbād daripada Ibn 'Umar, sesungguhnya Nabi Muḥammad s.a.w. bersabda pada firman Allah السَّبِيلُ إِلَى الْحَجَّ ، baginda bersabda maknanya bekal dan kenderaan."¹⁵

Menurut Imam al-Tabarī, dalam mentakwil perkataan سَيِّلًا dengan maksud adanya bekal dan kenderaan seperti di dalam hadith di atas perlu diteliti kembali. Beliau berpendapat, tidak perlu berhujah dalam agama dengan hadith-hadith seperti ini.¹⁶ Menurut Imam al-Tabarī, takwil yang paling tepat untuk perkataan tersebut ialah adanya kemampuan, kerana perkataan سَيِّلًا dalam ucapan orang Arab bermakna الطَّرِيقَ yang bererti jalan.¹⁷

¹⁵ Ibid., j. 3, h. 23.

¹⁶ Ibid., h. 26.

¹⁷ Ibid.

Dari sudut yang lain, Imam al-Tabarī juga nampaknya seakan menggunakan hadith *mursal* dalam memberikan takwilnya. Sebenarnya tidak, kerana pada bahagian yang lain beliau mengaitkannya kembali.¹⁸ Akan tetapi, semasa mengambil hadith, Imam al-Tabarī tidak mengambil berat kepada keadaan hadith yang dikemukakan sehingga didapati mata rantai sanadnya lemah seperti nama Abū Ṣāleḥ atau al-Kalbī. Banyak sekali beliau membawakan hadith melalui sanad ini. Imam al-Suyūṭī ada mengatakan, sanad yang lemah daripada Ibn ‘Abbās adalah melalui riwayat al-Kalbī daripada riwayat Abī Ṣāleḥ daripada Ibn ‘Abbās.¹⁹ Contohnya, pada riwayat berikut:

﴿ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حَمِيدٍ الرَّازِيُّ، قَالَ: حَدَّثَنَا سَلَمَةُ بْنُ الْفَضْلِ، قَالَ: حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ إِسْحَاقُ، قَالَ: حَدَّثَنِي الْكَلَبِيُّ، عَنْ أَبِيهِ صَالِحٍ، عَنْ أَبِيهِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ رِتَابٍ، قَالَ: مَرَأَ أَبْوَ يَاسِرِ بْنِ أَحْطَبٍ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَتْلُو فَاتِحةَ سُورَةِ الْبَقَرَةِ ﴾
 ۚ لِمَذِكُورِ الْكِتَابِ لَا رَبَّ فِيهِ ۚ فَأَتَى أَخَاهُ حُمَيْدًا بْنَ أَحْطَبَ مَنْ يَهُودَةً فَقَالَ: تَعْلَمُونَ وَاللَّهُ، لَقَدْ سَمِعْتُ مُحَمَّدًا يَتْلُو فِيمَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ ۚ لِمَذِكُورِ الْكِتَابِ ۚ فَقَالُوا: أَنْتَ سَمِعْتَهُ؟ قَالَ: نَعَمْ! قَالَ: فَمَنْشِي حُمَيْدًا بْنَ أَحْطَبَ فِي أُولَئِكَ النُّفُرِ مِنْ يَهُودَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا:

¹⁸ Sebagai contoh, beliau memilih hadith *mursal* yang dibawakan oleh ‘Abd Allah bin Khalifah bagi memberi makna yang ada pada surah al-Baqarah ayat 255. ‘Abd Allah seperti diberikan buku sejarah, beliau adalah seorang tabi‘in yang membawakan riwayat langsung kepada Nabi sehingga dinilai *mursal* riwayatnya kerana ada seorang sahabat yang hilang. Kaitannya dengan itu, Imam al-Tabarī sama seperti Abū Hanifah dan Mālik bin Anas menerima hadith *mursal* secara mutlak berbeza dengan Imam al-Syāfi‘ī yang menerima secara bersyarat, bahkan kata Imam al-Tabarī orang yang mengengkari hadith *mursal* adalah bidaah. Muhammad al-Dastūqī (1992), *op. cit.* j. 1, h. 84, Takwil al-Tabarī (1995), *op. cit.* j. 3, h. 16.

¹⁹ Al-Suyūṭī (t.t.), j. 4, h. 209.

يَامُحَمَّدُ، أَلَمْ يَذْكُرْ لَنَا أَنْكَ تَتْلُو فِيمَا أَنْزَلَ عَلَيْكَ (أَلَمْ ذَلِكَ الْكِتَابُ؟) قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : بَلَى ! فَقَالُوا أَجَاءَكَ بِهَذَا جِبْرِيلُ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ؟ قَالَ: نَعَمْ! قَالُوا: لَقَدْ بَعَثَ اللَّهُ حَلْ ثَنَاؤَةً قَبْلَكَ أَنْبِيَاءً، مَا تَعْلَمُهُ بَيْنَ لِتِيْبِيْهِمْ، مَا مُدَّهُ مِلْكِيْهِ وَمَا أَكَلَ أُمَّيْهِ غَيْرِكَ! فَقَالَ حُسْنِيْ بْنُ أَحْطَبَ، وَأَقْبَلَ عَلَى مَنْ كَانَ مَعْنَاهُ فَقَالَ لَهُمْ: الْأَلْفُ وَاحِدَةً، وَاللَّامُ ثَلَاثُونَ، وَالْمِيمُ أَرْبَعُونَ، فَهَذِهِ إِحدَى وَسَبْعُونَ سَنَةً. أَفَتَدْخُلُونَ فِي دِينِ لِتِيْبِيْيِهِ إِلَمَا مُدَّهُ مِلْكِيْهِ وَأَكَلَ أُمَّيْهِ إِحدَى وَسَبْعُونَ سَنَةً (...))

Maksudnya:

"Daripada Muhammed bin Humayd al-Razi, berkata, daripada Salamah bin al-Fadl, berkata: daripada Muhammed bin Ishaq, berkata: daripada al-Kalbi, daripada Abi Shaleh, daripada Ibn 'Abbas, daripada Jâbir bin 'Abd Allah bin Ri'âb berkata, Abû Yâsir bin Akhâtâb bertemu dengan Rasulullah s.a.w. ianya sedang membaca awal surah al-Baqarah, أَلَمْ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبَّ لَهُ فِيهِ, terus Huyay bin Akhâtâb seorang Yahudi saudara Yâsir datang kepadanya kemudian Yâsir berkata: kalian tahu semua demi Allah, sesungguhnya saya mendengar Muhammed membaca apa yang diturunkan Allah azza wa jalla kepadanya أَلَمْ ذَلِكَ الْكِتَابُ, mereka berkata: kamu mendengarnya? Jawab Yâsir!, saya mendengarnya. Lalu Huyay bin Akhâtâb berjalan dengan Ya segolongan Yahudi menemui Rasulullah s.a.w. kemudian berkata: wahai Muhammed, bolehkah ceritakan kepada kami bahawa engkau membaca apa yang diturunkan Allah ke atasmu أَلَمْ ذَلِكَ الْكِتَابُ, ya, jawab Rasulullah s.a.w. Mereka bertanya lagi: apakah Jibril datang kepada kamu? Jawab Rasulullah; ya. Mereka bertanya lagi: Allah jalla thanâ'uh telah mengutus nabi-nabi sebelum kamu namun kami tidak mengetahui selain kamu keterangan nabi-nabi itu; berapa lama berkuasa dan apa makanan umatnya. Huyay bin Akhâtâb berkata, kemudian menemui orang-orang yang berada bersamanya lalu berkata kepadanya; alif itu maknanya satu, lâm itu maknanya tiga puluh, mim itu maknanya empat puluh jadi jumlahnya tujuh puluh satu. Apakah kalian akan masuk agama nabi yang kekuasaan dan makanan umatnya hanya tujuh puluh satu tahun sahaja." ²⁰

²⁰ Tafsir al-Tabari (t.t.), op. cit., j. 1, h. 217.

Ibn Kathīr telah pun mengingatkan bahawa hadith di atas, diriwayatkan juga oleh Muḥammad bin Sā'ib al-Kalbī yang tidak diperlukan kerana dikatakan seorang pembohong. Al-Jawzānī ada mengatakan bahawa, beliau (al-Kalbī) itu ialah seorang pembohong.²¹ Imam al-Ṭabarī tidak berniat memasukkan nama-nama perawi yang lemah, akan tetapi hanya untuk memenuhi takwilnya yang mengakibatkan penilaian serong (negatif) kepadanya. Nama-nama seperti al-Kalbī dimasukkan adalah semata-mata untuk memperkayakan lagi makna al-Qur'an melalui periyatan Imam al-Ṭabarī. Ibn 'Asyākir ada mengatakan, *Istidlāl* (petunjuk) Imam al-Ṭabarī dengan *athār* (hadith) ini hanyalah untuk meneliti makna lafaz atau untuk menjelaskan *siyāq* (redaksi) ibarat sahaja.²²

5.3. Berpegang Kepada Takwil Para Sahabat

Takwil para Sahabat berada dikedudukan yang kedua selepas takwil Nabi Muḥammad s.a.w. Dalam *muqaddimah* (pembukaan) kitabnya, Imam al-Ṭabarī ada mengatakan bahawa takwil tidak boleh terkeluar daripada ucapan-ucapan salaf dikalangan para Sahabat r.a.²³ Hal ini turut disepakati oleh Ibn Kathīr. Mereka merupakan orang yang lebih tahu tentang wahyu, sebab turunnya ayat (*asbāb al-nuzūl*) disamping itu juga mereka adalah orang yang sering berdamping bersama Nabi Muḥammad s.a.w.

Adalah wajar, sekiranya mereka dapat memahami dengan betul tentang kitab Allah. Menurut Ibn Kathīr, mereka memiliki pemahaman yang sempurna,-

²¹ Abū Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī (t.t.), *Mīzān al-'Itidāl*, j. 3. (ed), 'Alī Muḥammad al-Bajāwī. Dār al-Fikr, h. 559.

²² Ahmad Muḥammad al-Ḥūfi (1991), *al-Ṭabarī*, c. 1. Dār al-Manār, h. 85.

²³ *Tafsīr al-Ṭabarī* (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 93.

ilmu yang benar dan amal yang soleh terutamanya khalifah yang empat; Abū Bakr al-Siddīq, ‘Umar bin al-Khaṭṭab, ‘Uthmān bin Affān dan ‘Alī bin Abī Ṭālib.²⁴ Dikalangan Sahabat-Sahabat besar termasuklah ‘Abd Allah bin Mas‘ūd, Ibn ‘Abbās, Ubay bin Ka‘ab, Zayd bin Thābit, Abū Mūsā al-Asy‘arī, ‘Abd Allah bin Jubayr dan ramai lagi.

Nama-nama Sahabat di atas merupakan tokoh-tokoh takwil terkemuka dizamannya. Imam al-Ṭabarī banyak meriwayatkan takwil daripada mereka di antaranya lima jalur riwayat daripada Ibn ‘Abbās, dua jalur riwayat daripada Sa’id bin Jubayr, tiga jalur riwayat daripada Mujāhid bin Jabar, tiga jalur riwayat daripada Qatādah bin Di‘āmah, tiga jalur riwayat daripada al-Ḥasan al-Baṣrī, tiga jalur riwayat daripada ‘Ikrimah, dua jalur riwayat daripada al-Daḥḥāk bin Mazāhim dan satu jalur riwayat daripada Ibn Mas‘ūd.²⁵ Untuk melengkapi pembahasan ini, penulis mengambil contoh takwilan kepada perkataan السُّفَهَاءِ pada ayat berikut:

﴿ سَيَقُولُ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا لَا هُمْ عَنِ قِبْلَتِهِمُ الَّتِي كَانُوا عَلَيْهَا ﴾

Terjemahan:

"Orang-orang bodoh (yang kurang akal pertimbangannya) akan berperkataan : Apa sebabnya yang menjadikan orang-orang Islam berpaling dari kiblat yang mereka mengadapnya selama ini."

Surah al-Baqarah (2): 142.

²⁴ Tafsir Ibn Kathir (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 4.

²⁵ Yaqūt al-Ḥamawī (t.t.), *op. cit.*, h. 64.

Untuk mentakwil ayat di atas, Imam al-Tabarī membawakan beberapa takwil yang bersumber daripada para Sahabat r.a. di antaranya, Barrā bin ‘Āzib, Ibn ‘Abbās dan al-Suddī. Ibn ‘Abbās mengertikan perkataan السُّمْتَاء dengan orang Yahudi,²⁶ demikian pula Barrā’ bin ‘Āzib. Sementara ulama yang lain mentakwilkan perkataan tersebut dengan ahli kitab²⁷ atau orang-orang musyrik Arab.²⁸

Di dalam contoh yang lain, ketika mentakwilkan makna laknat pada ayat yang berbunyi:

﴿أُولَئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ الْأَعْنَوْنَ﴾

Terjemahannya:

"Mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian mahluk"

Surah al-Baqarah (2): 159.

.....

Menurut Ibn ‘Abbās dan Rābi‘ bin Anas, ayat di atas bermaksud mereka yang menyembunyikan apa yang diturunkan oleh Allah tentang Nabi Muhammad s.a.w. akan mendapat laknat daripada malaikat dan orang-orang mukmin.²⁹ Pendapat lain mengatakan bahawa bukan sahaja malaikat dan manusia yang

²⁶Tafsir al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 3.

²⁷Ibid., h. 4.

²⁸Tafsir Fahr al-Dīn al-Rāzī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 4.

²⁹Tafsir al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 77.

melaknat bahkan binatang melata termasuk kelawar dan kala jengking, kerbau, kumbang dan singa pun turut melaknatinya.³⁰

Takwil di atas yang dipelopori oleh ‘Ikrimah dan Mujāhid. Ibn Kathīr pun turut membenarkan takwil tersebut. Bahkan menurut beliau, turut melaknat ialah setiap yang menggunakan bahasa fasih atau azam sama ada dengan ucapan atau sikap selama ia mempunyai akal.³¹ Dalam satu hadith ada menyebutkan bahawa setiap makhluk akan memohon maaf kepada orang alim sehingga ikan paus dilautan”³²

Imam al-Ṭabarī ialah seorang tokoh yang konsisten dengan metodenya iaitu menolak mana-mana takwil yang tidak berasas. Dalam hal ini, beliau menolak dan mengkritik terhadap pendapat tersebut. Menurutnya, takwilan ‘Ikrimah dan Mujāhid itu tidak ada kebenarannya dan tidak mempunyai dasar sama ada daripada al-Qur’ān ataupun penjelasan daripada Nabi.³³

Imam al-Ṭabarī, berpendapat, takwil ayat di atas telahpun dijelaskan di dalam al-Qur’ān. Sesungguhnya orang-orang kafir dan mereka mati dalam keadaan kafir. Mereka akan mendapat laksana Allah, para malaikat dan manusia seluruhnya.³⁴ Beliau tetap mendahului makna yang diberikan al-Qur’ān dan menolak mana-mana pendapat yang berlawanan dengannya. Oleh itu, hanya jin dan manusia sahaja yang melaknat.

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Tafsir Ibn Kathīr, op. cit.*, j. 1, h. 201.

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*

³⁴ Al-Qur’ān surah al-Baqarah (2): 161.

5.4. Berpegang Kepada Takwil Para Tabi'īn

Imam al-Tabarī berpendapat pabila tidak ditemukan takwil yang diberikan oleh Nabi Muḥammad atau Sahabat r.a. langkah selanjutnya ialah mengambil takwil daripada para tabi'īn dan ulama-ulama umat.³⁵ Ibn Kathīr juga mengatakan demikian, jika tidak ditemukan takwil dalam al-Qur'ān, hadith ataupun takwil Sahabat, maka para ulama akan merujuk kepada ucapan tabi'īn seperti Mujāhid bin Jubayr. Ini kerana, beliau banyak menyimpan takwil Nabi Muḥammad sa.w.³⁶ Beliau juga merupakan peringkat kedua daripada takwil yang berakhir pada tahun 150 hijrah.

Ulama berselisih pendapat dalam mengambil takwil tabi'īn ini. Perselisihan ini diwakili oleh kaum Syiah,³⁷ Mu'tazilah,³⁸ Zāhiriyah,³⁹ Imam Ahmad pada satu pendapatnya dan Abū Ḥanīfah. Menurut Abū Ḥanīfah, mereka (tabi'īn) itu adalah seorang lelaki dan kami juga seorang lelaki.⁴⁰ Demikian juga yang diperkatakan oleh Syu'bah bin al-'Ajjāj bahawa ucapan mereka itu tidak boleh dijadikan hujjah pada *furu'* bagaimana boleh dijadikan hujjah pada takwil.⁴¹

Pastinya ramai dikalangan ulama menerima ucapan tabi'īn. Sufyān al-Thawrī ada mengatakan bahawa ambillah takwil dari empat orang iaitu; Sa'īd bin Jubayr, Mujāhid, 'Ikrimah dan al-Ḍaḥḥāk.⁴² Demikian juga dengan Imam al-

³⁵ Tafsir al-Tabarī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 93.

³⁶ Tafsir Ibn Kathīr (1401), *op. cit.*, h. 5.

³⁷ Lihat h. 80.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Lihat h. 55.

⁴⁰ Abū Zahrah (t.t.), *op. cit.*, h. 300.

⁴¹ Ibn Taymiyah (1988), *op. cit.*, h. 98.

⁴² Al-Suyūṭī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 221.

Tabarī, menurutnya seorang pentakwil sewaktu mentakwilkan ayat al-Qur'ān maka takwil itu tidak boleh terkeluar daripada apa yang ditakwilkan ulama salaf Sahabat dan tabi'in r.a.⁴³

Sebagai contoh, ketika mentakwilkan ayat ke 225 dari surah al-Baqarah yang berbunyi:

﴿ لَا يَوْمَ أَعِذُّكُمُ اللَّهُ بِالسَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَعِّذُكُمُ بِمَا كَسَبْتُ فَلُؤْبُكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴾

Terjemahan:

"Allah tidak mengira kamu bersalah tentang sumpah kamu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi ia mengira kamu bersalah (dan akan mengenakan hukuman) dengan sebab sumpah yang diusahakan (disengajakan) oleh hati kamu (dengan niat bersumpah). Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar."

Surah al-Baqarah (2): 225.

Menurut al-Hasan al-Baṣrī perkataan **السُّفُر** ditakwilkan dengan seseorang

yang bersumpah di atas sesuatu dan ianya mengetahui hal itu. Pada hakikatnya ia tidak seperti apa yang dikatakan.⁴⁴ Takwil tersebut sama seperti yang dikatakan oleh Mujāhid, Ibnu Waki' dan Abū Mālik. Manakala 'Ikrimah memberi takwil perkataan **لَسْفُر** dengan tidak, demi Allah, ya demi Allah.⁴⁵ Hal ini sama seperti

⁴³ Tafsir al-Tabarī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 94.

⁴⁴ Tafsir al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 553.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 551.

yang dikemukakan oleh Abū Ṣāleḥ, Abū Qalabah, Imam ‘Atā’, ‘Ā’isyah atau al-Sya‘bī.

Hal ini adalah sama apabila bersumpah di atas sesuatu dan kamu katakan kepada sahabat karib kamu seperti apa yang kamu sumpahkan sedang kenyataannya tidak demikian, maka tidak ada hukum dan tidak ada kafarah (denda di atas pelanggaran larangannya), akan tetapi hukuman dan kafarah tetap ada terhadap sumpah ke atas sesuatu yang diketahui⁴⁶ Menurut al-Ḥasan al-Baṣrī, begitu juga lelaki yang bersumpah ke atas maksiat maka tidak ada hukuman bila meninggalkannya.⁴⁷ Hal ini dipersetujui oleh Sa‘id bin Jubayr, Sa‘id bin Musayyab, ‘Urwah bin Jubayr dan lain-lain.

Setelah mengetengahkan beberapa pendapat berkaitan dengan makna perkataan أَسْفَرْ, Imam al-Ṭabarī kemudiannya mendekatkan makna tersebut kepada perbahasan: menurut bahasa Arab. Dalam bahasa Arab, perkataan tersebut ditunjukkan kepada setiap ucapan atau perbuatan yang kurang baik.⁴⁸ Makna tersebut selari dengan firman Allah yang berbunyi:

﴿وَإِذَا سَمِعُوا الْلَّغُوْ أَعْرَضُوا عَنْهُ﴾

⁴⁶ *Ibid.*, h. 553.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 557.

⁴⁸ *Ibid.*, h. 561.

Terjemahan:

"Dan apabila mereka mendengar perkataan yang sia-sia, mereka berpaling daripadanya."

Surah al-Qaṣāṣ (28): 55.

Atau dengan firman Allah yang berbunyi:

﴿وَإِذَا مَرُوا بِالْأَغْنِيَّةِ مَرُوا كِيرَاماً﴾

Terjemahan:

"Dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya."

Surah al-Furqān (25): 72.

Selain memfokuskan pendapatnya kepada dalil al-Qur'an, Imam al-Ṭabarī juga menguatkannya lagi dengan syair Arab⁴⁹ dan juga hadith Nabi Muḥammad s.a.w.⁵⁰

Meneliti kepada alasan Imam al-Ṭabarī di atas, nampaknya beliau lebih memahami makna أَلْغُور sebagai kebiasaan yang berlaku dikalangan masyarakat Arab sehingga tidak perlu lagi kafarah di dunia dan juga di akhirat tetapi dengan syarat perbuatan tersebut tidak disengajakan atau tidak ada niat dalam hati meskipun mereka menyedari perbuatan mereka dan mengatakan menggunakan nama Allah atau perkataan yang semakna dengannya ataupun pelaku sumpah tersebut

⁴⁹ Lihat misalnya syair وَبِمَ أَسْرَبْ خَيْرِهِ كَظِيمٌ عَنِ الْأَسْنَانِ وَرَفِيقُهُ اشْكَلُم

⁵⁰ Hadith itu berbunyi. من حَلَقَ عَلَيْهِنْ فَرَأَى غَيْرَهُمْ تَبَسِّرَ إِلَيْهِنَّ فَلَمَّا رَأَاهُمْ هُوَ تَبَسِّرُ وَالْأَكْفَرُ عَنْ يَمِينِهِ.

mengakui bahawa saya orang Yahudi, Nasrani, Majusi atau lain-lainnya dengan mengejek, mencela atau dengan mengigau ketika mengeluarkan kata-kata tersebut, maka perlakuan tersebut tidak ada hukum atau kafarah sama ada di dunia ataupun di akhirat. Menurut Imam al-Tabarī, sumpah yang dikenakan kafarah adalah sumpah yang disengajakan dalam hatinya.⁵¹

Sewaktu mengemukakan takwil tabi'in, Imam al-Tabarī tidak hanya membawakannya begitu sahaja. Akan tetapi beliau memberi komentar, mengkritik dan kadang-kadang beliau menolak pendapatnya dengan diikuti pandangan-pandangan kesalahan takwil yang ada padanya hal yang jarang sekali dilakukan oleh para tokoh takwil sebelumnya. Misalnya, di dalam mentakwilkan perkataan **لَمْ يَتَسَّعْ** pada ayat berikut:

﴿فَانظُرْ إِلَى طَعَامِكَ وَشَرَابِكَ لَمْ يَتَسَّعْ﴾

Terjemahan:

"Oleh itu, perhatikanlah kepada makanan dan minumanmu, masih tidak berubah keadaannya."

Surah al-Baqarah (2): 259.

Imam al-Tabarī menolak pendapat Mujāhid dan Rabi' yang mentakwil bahawa perkataan **لَمْ يَتَسَّعْ** dengan berubah baunya kerana busuk yang diambil dari perkataan **أَسْنَ**⁵² yang ada pada ayat **مِنْ حَمَاءٍ مَسْرُونَ**⁵² atau dari perkataan

⁵¹ Tafsir al-Tabarī (1995), *op cit.*, j. 2, h. 561.

⁵² *Ibid.*, j. 3, h. 56.

yang ada pada ayat ⁵³ فِيهَا أَنْقَارٌ مِّنْ مَاءٍ غَيْرِ آسِنٍ Mereka mengira yang ada pada perkataan تَكْشِفَةً adalah tambahan dan bukan asal kalimat. Menurut Imam al-Tabari lagi, مَا yang ada pada perkataan تَكْشِفَةً adalah asal kalimat. Ianya adalah bahasa fasih tidak dibenarkan membuang mana-mana huruf dari al-Qur'an sewaktu *waqaf* (berhenti) atau *wasal* (terus) kerana terbukti sudah maklum dalam ucapan bahasanya.⁵⁴ Dalam satu syair ada menyebut:

وَلَيْسَ بِسَهَاءٍ وَلَا رُجْبَةٌ
ولَكِنْ عَرَابًا فِي السَّينَ الْجَوَاعِينَ *

Bukan kerana ditimpa kegersangan pokok
kurma tidak ditopang dengan kayu *

Tetapi kurma itu tidak berbuah akibat
gersang yang membinasakan.

Hal ini diperkuatkan lagi dengan ucapan Hāni' al-Barbarī di dalam riwayat berikut:

﴿عَنْ هَانِيَ الْبَرْبَرِيِّ، قَالَ: كُنْتُ عِنْدَ عُنْمَانَ وَهُمْ يَعْرِضُونَ الْمَصَاحِفَ، فَأَرْسَلْنِي بِكَتْفِ شَاةٍ إِلَى أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ فِيهَا لَمْ يَتَسَنَّ وَلَمْ يَمْهِلْ الْكَافِرِينَ وَلَا تَبَدِيلَ لِخَلْقِهِ﴾. قَالَ: فَدَعَاهُ بِالثُّوَّةِ، فَمَحَا إِحْدَى الْلَّاتِينِ وَكَتَبَ لَهُ لَا تَبَدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ وَمَحَا (فَامْهِلْ) وَكَتَبَ: (فَامْهِلْ الْكَافِرِينَ) وَكَتَبَ (لَمْ يَتَسَنَّ الْحِقْرَ فِيهَا أَهْمَاءً)﴾

⁵³ Al-Qur'an surah Muhammad (47): 15.

⁵⁴ Tafsir al-Tabari (1995), *op cit.*, j. 2, h. 53.

Maksudnya:

"Dari Hāni al-Barbarī, berperkataan sewaktu aku berada di samping Uthmān mereka sedang membuka beberapa mushaf, lalu Uthmān mengutusku kepada Ubay bin Ka'ab membawa tulang kambing tertulis padanya ﴿كُلَّمَهْلِ الْكَغْرِيْنِ﴾ dan perkataan ﴿لَا تَبْدِيلَ لِلْحَلَقِ﴾. Berperkataan Hāni, lalu Ubay memanggilnya dengan membawa tinta, kemudiannya Ubay menghapus dua huruf lam dan menulisnya ﴿لَا تَبْدِيلَ لِلْحَلَقِ﴾ diteruskan menghapus ﴿كُلَّمَهْلِ الْكَغْرِيْنِ﴾ dan menggantinya dengan ﴿كُلَّمَهْلِ الْكَغْرِيْنِ﴾ dengan menambahkan u padaanya.⁵⁵

5.5. Takwil al-Qur'an Dengan Ucapan Ulama Umat

Ulama umat bermaksud ulama-ulama selepas generasi tabi'in atau yang biasa diistilahkan dengan *atbā' al-tābi'iñ* dan ulama-ulama lain selepasnya. Menurut Imam al-Tabarī, takwil itu tidak boleh terkeluar daripada ucapan salaf⁵⁶ Sahabat, tabi'in dan ulama-ulama umat.⁵⁷ Contohnya, ketika membincangkan hukum melakukan *sa'i* di antara bukit Safa dan Marwah dan hukuman bagi mereka yang meninggalkannya. Firman Allah s.w.t yang berbunyi:

﴿إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْاعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطْوِفَ بِهِمَا مَنْ تَطَوَّعَ حَمْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلَيْهِمْ﴾

Terjemahan:

"Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah; maka sesiapa yang menunaikan ibadat Haji ke Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersaie (berjalan dengan

⁵⁵ *Ibid.*, h. 54.

⁵⁶ Lihat h. 13.

⁵⁷ *Tafsir al-Tabarī* (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 93.

berulang-alik) di antara keduanya. Dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui”.

Surah al-Baqarah (2): 158.

Imam Mālik bin Anas berpendapat, sesiapa yang terlupa melakukan *sa'i* (lari-lari kecil) di antara Safa dan Marwah hinggalah ianya meninggalkan Mekah maka harus baginya kembali untuk mengerjakan *sa'i* dan apabila ianya menggauli isterinya maka ianya wajib umrah dan membayar *hady*. Sementara al-Syāfi'i pula mengatakan bahawa orang yang meninggalkan *sa'i* di antara bukit Safa dan Marwah hinggalah ianya balik ke negaranya, maka wajib baginya kembali ke Mekah sehingga ia melakukan tawaf dan *sa'i*.⁵⁸

Sufyān al-Thawrī pula mengatakan bahawa mereka yang meninggalkan *sa'i*, hajinya tetap sah dan tidak perlu kembali ke Mekah bagi mengantikannya, cuma perlu membayar dam sahaja. Demikian juga menurut pendapat Abū Ḥanifah dan muridnya, Abū Yūsuf.⁵⁹

Imam al-Tabarī tidak sahaja mengemukakan takwil ulama umat dengan membawakannya begitu sahaja tanpa memberikan alasan, saranan, kritik dan kadang-kadang menolaknya. Beliau tidak sependapat dengan Sufyān al-Thawrī dan Abū Ḥanifah yang membolehkan membayar dam bagi mereka yang meninggalkan tawaf dan *sa'i* dengan bersandar kepada bacaan *أَلَا يَنْهَا فِتْرَةٍ بِعْدَ* pada ayat di atas yang ada pada Mushaf Ibn Mas'ud yang tersebar luas di wilayah Iraq.

⁵⁸ Tafsir al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 68.

⁵⁹ *Ibid.*

Imam al-Tabarī menilai, penambahan γ pada ayat di atas yang dijadikan dasar bagi Sufyān al-Thawrī dan Abū Ḥanīfah adalah cukup lemah dari berbagai sudut. Selain menyalahkan tulisan mushaf yang sedia ada bertentangan dengan ijma' umat, serta berlawanan dengan hadith Nabi. Menurut Imam al-Tabarī, melakukan tawaf adalah *fardu* dan wajib. Sesiajap sahaja yang meninggalkannya wajib kembali ke Mekah untuk menggantikannya, sama ada meninggalkannya dengan sengaja atau tidak dan tidak boleh diganti dengan apa pun.⁶⁰

5.6. Bersikap Neutral Dalam Mentakwil

Merujuk kepada beberapa aspek takwilannya, Imam al-Tabarī juga telah banyak bersikap neutral dan berdiam diri serta tidak memihak kepada mana-mana pendapat terutamanya sewaktu dihadapkan kepada takwil ayat-ayat tertentu yang masih *mubham* (samar-samar) maknanya. Walaupun ada sesetengah ulama takwil cuba memberikan penjelasan kepadanya dengan tidak disertai dalil yang kuat. Al-Suyūṭī ada mengatakan bahawa ketahuilah, ilmu tentang *mubhamāt*, rujukannya hanyalah *al-naql* sahaja dan baginya tiada dimensi ruang untuk akal.⁶¹

Ibrāhim bin Ḫusayn bin Sālim dalam kitabnya “*Qadiyyah al-Ta'wil fi al-Qur'ān al-Karīm bayn al-Ghulah wa al-Mu'tadilīn*” menyatakan, bahawa ada beberapa hal yang disembunyikan ilmunya oleh Allah s.w.t. yang tercatat dalam

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Al-Suyūṭī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 81.

kitabnya seperti ilmu tentang hakikat nama-nama, sifat, penjelasan tentang perkara-perkara ghaib dan sebagainya.⁶²

Contohnya, sewaktu Imam al-Ṭabarī memberikan takwil tentang jenis pohon yang dihampiri oleh Nabi Adam a.s. ketika di syurga di dalam ayat berikut:

﴿ وَلَا تَقْرِبَا هَذِهِ الشَّجَرَةِ ﴾

Terjemahan:

“Dan janganlah kamu hampiri pohon ini.”

Surah al-Baqarah (2): 35.

Ibn Mas'ūd, Ibn 'Abbās, Sa'īd bin Jubayr, Ja'dah bin Hubayrah mengatakan, pohon yang dimaksud di dalam ayat di atas ialah pohon anggur. Oleh sebab itu, arak diharamkan kepada kita umat Islam.⁶³ Abū Mālik dan Qatādah mengatakan, pohon padi dan ada juga yang mengatakan pohon tin⁶⁴ seperti yang diperkatakan oleh Wahab bin Munabbih.

Menurut Imam al-Ṭabarī, Allah s.w.t. tidak menjelaskan hal tersebut melalui nas-nas yang sahih berkenaan nama pohon itu atau *dalālah* (petunjuk) tentang pohon-pohon yang ada di syurga sebagai suatu larangan kepada Adam a.s. mendekatinya.⁶⁵ Kita juga tidak mengetahui apakah jenis pohon tersebut. Ini kerana, Allah s.w.t. tidak memberikan petunjuk yang jelas kepada hambanya sama

⁶² Ibrāhīm bin Ḥasan bin Sālim (1993), *Qadiyyah al-Ta'wil fi al-Qur'an al-Karīm Bayn al-Ghulāh wa al-Mu'tadilīn*, j. 1, c. 1. Beirut: Dār Qutaybah, h. 133.

⁶³ *Tafsir al-Qurtubī* (1967.), *op. cit.*, j. 1, h. 305.

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ *Ibid.*

ada di dalam al-Qur'an ataupun di dalam Sunnah yang sahih. Oleh kerana itu, ada yang mengatakannya sebagai pohon gandum, pohon anggur, pohon tin dan boleh juga salah satu di antara kedua-duanya disebabkan ianya dianggap sebahagian daripada ilmu. Hal ini diperakui sekiranya seorang alim mengetahui tidak ada manfaat mengetahuinya, begitu juga sekiranya seorang yang jahil tidak membawa bahaya di atas kejahilannya.⁶⁶

Sikap tersebut menjadi ikutan kepada para pentakwil selepasnya seperti Ibn Kathir,⁶⁷ al-Rāzī dan al-Qurtubī. Ibn 'Atīyyah ada mengatakan, tidak penting memastikan hal ini dapat menguatkan berita. Apa yang penting ialah keyakinan bahawa Allah ta'ālā melarang Adam a.s. menghampiri suatu pohon lalu Adam a.s. melanggarinya dan berbuat maksiat dengan memakannya.⁶⁸

Contoh yang lain, semasa mentakwilkan ayat berikut:

﴿أَوْ كَا الَّذِي مَرَّ عَلَىٰ قَرِيبَةٍ وَهِيَ خَارِبَةٌ عَلَىٰ عُرُوشَهَا﴾

Terjemahan:

"Atau (tidakkah engkau pelik memikirkan wahai Muhammad) tentang orang yang melalui sebuah negeri yang telah runtuh segala bangunannya,"

Surah al-Baqarah (2): 259.

⁶⁶ *Ibid.*, h. 521.

⁶⁷ Namun di sini ada sedikit perbezaan meskipun Ibn Kathir sejalan dengan Imam al-Tabari dengan membiarkan ayat-ayat yang *mubahm* (samar) maknanya, namun sekali sekala Ibn Kathir berani menentukan makna ayat-ayat tersebut meski tidak ada berita atau dasar yang jelas tentangnya. Misalnya sahaja maksud kata ﴿عَلَىٰ قَرِيبَةٍ﴾ yang ada pada ayat di atas. Kata beliau, yang di maksud kata tersebut adalah Bayt al-Maqdis yang dilalui setelah dihancurkan oleh Nebuhatnasar. Tafsir Ibn Kathir (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 315.

⁶⁸ *Ibid.*

Menurut Qatadah, orang yang melalui sebuah negeri yang telah runtuh segala bangunannya ialah ‘Uzayr.⁶⁹ Ada juga yang mengatakan orang itu adalah Irmiya bin Ḥilqiyā⁷⁰ seperti pendapat Wahab bin Munabbih, ‘Abd Allah bin ‘Ubayd bin ‘Umayr dan ‘Abd al-Samad bin Ma‘qil. Pendapat yang demikian dilraqamkan Ibn Kathir dalam kitabnya, “*Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*”.

Menurut Imam al-Ṭabārī pula, orang yang melalui sebuah negeri yang telah runtuh segala bangunannya boleh dikatakan ‘Uzayr dan boleh juga Irmiyā’. Bagi beliau, tidak penting membahaskan tentang nama-nama tersebut. Ini kerana tujuan ayat tersebut bukan untuk mengetahui nama makhluk yang mengucapkannya, akan tetapi ayat-ayat tersebut bertujuan mengenali orang-orang yang engkar tentang kekuasaan Allah s.w.t. menghidup dan mematikan makhluknya serta mengembalikan mereka setelah binasa kelak.⁷¹

Sikap neutral Imam al-Ṭabārī ini bukan sahaja diaplikasikan kepada ayat-ayat yang *mubham* (samar) sahaja bahkan diaplikasikan juga kepada aspek sebab turunya ayat (*asbāb al-nuzūl*). Contohnya, peristiwa pemindahan kiblat dari Bayt al-Maqdis ke Kaabah yang diceritakan di dalam surah al-Baqarah ayat 144. Firman Allah yang berbunyi:

﴿ قَدْ رَأَى تَقْلِبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّنُكَ قَبْلَةً تُرْضَهَا فَوْلَ ﴾

﴿ وَجْهَكَ شَطَرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ﴾

⁶⁹ *Tafsīr al-Ṭabārī*(1995), *op. cit.*, j. 2, h. 40.

⁷⁰ *Ibid.*, h. 41.

⁷¹ *Ibid.*, h. 42.

Terjemahan:

"Kerapkali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menadah ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (tempat letaknya Ka'bah)."

Surah al-Baqarah (2): 144.

Menurut pendapat Ibn 'Abbās, ketika Nabi Muhammad s.a.w. berhijrah ke Madinah, Allah s.w.t. memerintahkan baginda solat menghadap ke Bayt al-Maqdis. Orang Yahudi merasa gembira dengan berita itu. Lalu turunlah ayat seperti di dalam riwayat berikut:

﴿عَنْ أَبْنَى عَبْلَيْسِ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا هَاجَرَ إِلَى الْمَدِينَةِ وَكَانَ أَكْثَرُ أَهْلِهَا يَهُودٌ أَمْرَةَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ يَسْتَقِيلَ بَيْتَ الْمَقْدِسِ، فَقَرِيتَ الْيَهُودُ، فَاسْتَقَبَلُهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سِتَّةً عَشَرَ شَهْرًا. فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ يُحِبُّ قِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ، فَكَانَ يَدْعُو وَيَنْظُرُ إِلَى السَّنَاءِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: قَدْ تَرَى تَقْلُبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ﴾

Maksudnya:

"Daripada Ibn 'Abbās, sungguh ketika Rasul hijrah ke Madinah kebanyakannya penduduknya adalah orang Yahudi, Allah menyuruhnya mengadap Bayt al-Maqdis. Orang-orang Yahudi gembira mendengar berita itu. Lalu Rasul mengadap kepadanya selama enam belas bulan, sedangkan Rasulullah s.a.w. sediri suka kepada kiblat Ibrahim. Kemudian Nabi memohon menadah ke langit, maka turunlah ayat: Kerapkali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menadah ke langit."⁷²

⁷² Ibid., h. 29.

Riwayat melalui Imam Qatādah menyebut:

﴿عَنْ قَتَادَةَ قَوْلُهُ (قَدْ كَرِيَ تَعْلُبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ) فَكَانَ نَبِيٌّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي تَحْوِيَةً بَيْتِ الْمَقْدِسِ، يَهُوَيْ وَيَشْتَهِي الْقِبْلَةَ تَحْوِيَةً بَيْتِ الْحَرَامِ، فَوَجْهُهُ اللَّهُ جَلَّ شَاءَهُ لِتِبْلَةٍ كَانَ يَهُوَاهَا وَيَشْتَهِيَهَا﴾

Maksudnya:

Daripada Qatādah firman Allah ﴿قَدْ كَرِيَ تَعْلُبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ﴾ saat itu Nabi Muhammad s.a.w. solat mengadap Bayt al-Maqdis. Ia mengharapkan kiblat ke Bayt al-Haram. Lalu ia memohon kepada Allah s.w.t. agar ditunjukan kiblat yang ia inginkan dan ia sukai.⁷³

Selain riwayat Ibn ‘Abbās dan Qatādah di atas, imam al-Tabārī juga membawakan riwayat Imam Mujaħid, Ibn Zayd, al-Suddī, dan Rabi‘ berkaitan dengan sebab turunnya ayat di atas. Walaupun begitu Imam al-Tabārī membiarkan sahaja riwayat-riwayat tersebut tanpa mentarjihkannya.

Contoh yang lain pada ayat berikut:

﴿وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ، إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاحِدَلَافٌ لِلَّيلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلُكِ الَّتِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَسْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتَهَا وَبَثَ فِيهَا مِنْ كُلِّ ذَائِبٍ وَتَصْرِيفٍ الرِّيَاحِ وَالسُّخَابِ الْمُسْخَرِ بَيْنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا يَأْتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ﴾

⁷³ Ibid., h. 28.

Terjemahan:

"Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa; tiada Tuhan (Yang berhak disembah) selain dari Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan denganannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran."

Surah al-Baqarah (2): 163-164

Menurut Imam ‘Atā’, ayat di atas diturunkan di Madinah seperti yang diterangkan di dalam hadith berikut:

﴿ عَنْ عَطَاءَ، قَالَ: نَزَّلَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ ﴾
وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴾ فَقَالَ كُفَّارُ
قُرْبَيْشٍ بِمَكَّةَ: كَيْفَ يَسْعَ النَّاسَ إِلَهٌ وَاحِدٌ؟ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى ذِكْرَهُ ﴿ إِنَّ
فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاحْتِلَافٌ أَيْلِ وَالثَّهَارِ ﴾ إِلَيْ قَوْلِهِ ﴿ لَأَيُّوبَ
لَقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴾ فَهَذَا يَعْلَمُونَ أَنَّهُ إِلَهٌ وَاحِدٌ، وَأَنَّهُ إِلَهٌ كُلُّ شَيْءٍ
وَخَالِقُ كُلُّ شَيْءٍ ﴾

Maksudnya:

"Daripada 'Atā r.a. telah berkata, diturunkan ayat ﴿وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ أَنَا لَأَنِّي لَا مُرْسَلٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ﴾ lalu kaum kafir Quraysh Mekah berkata: Bagaimanakah Tuhan yang satu boleh (mengatur) manusia? Maka turunlah ﴿فَإِنْ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاحِدَالْأَيْلُونَ﴾ sampai kepada ayat ﴿فَإِنَّمَا تَعْمَلُونَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ﴾ maka tahu lah mereka sesungguh ia adalah Tuhan yang satu dan ia juga adalah Tuhan segala sesuatu dan Pencipta segalanya.⁷⁴

Riwayat melalui Abū Dūhā seperti berikut:

﴿عَنْ أَبِي الصُّبَّحِ، قَالَ: لَمَّا نَزَّلَتْ ﴿وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ﴾ قَالَ الْمُشْرِكُونَ: إِنْ كَانَ هَذَا هَكَذَا فَلَيَأْتِنَا بِأَيْمَانِهِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى ذِكْرَهُ ﴿إِنْ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاحِدَالْأَيْلُونَ وَالْهَارِ﴾... الآية

Maksudnya:

"Daripada Abi al-Duhā, telah berkata: Sewaktu ayat ﴿وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ أَنَا لَأَنِّي لَا مُرْسَلٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ﴾ turun, orang-orang musyrik berkata: Jika demikian, berilah kepada kami satu bukti! Maka Allah s.w.t. menurunkan ayat ﴿فَإِنْ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاحِدَالْأَيْلُونَ وَالْهَارِ﴾⁷⁵

Daripada riwayat-riwayat di atas, Imam al-Tabarī tidak menguatkan riwayat-riwayat yang dipilihnya. Beliau membiarkannya begitu sahaja tanpa *ditarjih* (dikuatkan). Imam al-Tabarī menyebut:

"Allah Ta'ālā mengingatkan hambanya kepada *dalalah* tunggal keesaannya melalui konsep *ulūhiyyah* dengan setiap sesuatu selain daripadanya dan dari segala sesuatu dengan ayat ini. Boleh sahaja ayat ini diturunkan menurut yang diucapkan oleh 'Atā', boleh juga

⁷⁴ Ibid., j. 2, h. 84.

⁷⁵ Ibid.

ayat itu diturunkan menurut ucapan Sa'īd bin Jubayr dan Abī al-Duhā. Bagi kita, tidak ada khabar untuk membenarkan ucapan salah satu daripada kedua-duanya. Boleh sahaja seseorang membenarkan dan menyalahkan di antara kedua ucapan tersebut. Ucapan-ucapan mana sekalipun adalah benar dengan maksud daripada ayat adalah seperti yang saya katakan.”

Namun begitu, Imam al-Tabārī juga memberikan komentar dan memilih riwayat tertentu yang dirasanya tepat mengena kepada maksud ayat. Namun, pilihan beliau itu tidak didasarkan kepada riwayat hadith tetapi lebih didasarkan kepada makna global ayat. Misalnya ketika mentakwil ayat berikut:

﴿لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُؤْكِلَا وَجْهَكُمْ قَبْلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرُّ مَنْ

آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ﴾

Terjemahan:

"Bukanlah perkara kebijakan itu hanya kamu mengadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebijakan itu ialah berimaninya seseorang kepada Allah dan hari akhirat."

Surah al-Baqarah (2): 177.

Kaitan dengan sebab turunnya ayat (*asbāb al-nuzūl*) di atas, Imam al-Tabārī cenderung memilih pendapat Imam Qatādah dan Rabi‘ bin Anas daripada pendapat Ibn ‘Abbās, Mujāhid, Ibn Jurayj dan al-Ḍaḥḥāk. Imam al-Tabārī beralasan, pendapat tersebut berdasarkan kepada makna ayat sebelumnya yang mencela dan menghina orang Yahudi dan Nasrani dan berita tentangnya serta seksa yang teramat pedih kepadanya. Hal ini diterangkan di dalam *siyāq* (redaksi ayat) sebelumnya.⁷⁶

⁷⁶ *Ibid.*, h. 129.

5.7. Peranan Sanad Dalam Meneliti Ayat

Imam al-Tabarī banyak mengemukakan riwayat-riwayat yang berkaitan dengan takwil ayat-ayat al-Qur'ān berserta dengan sanad-sanadnya dan menyusunnya dengan berurutan dan sistemistik. Kelebihan tersebut diperolehi hasil pengalaman beliau bertemu dengan ramai ulama semasa pengembalaan beliau menuntut ilmu.

Dalam metode penulisan sanad sesuatu riwayat, Imam al-Tabarī menggunakan istilah حديثٌ bagi sanad hadith yang beliau sendiri dan orang lain mendengarnya. Seperti sanad yang didengari daripada Khallād bin Aslam, Abū Kurayb, Muḥammad bin Ḥammād al-Rāzī, Sa'īd bin Yaḥyā bin Sa'īd al-Umawī, 'Ubayd Allah bin Muḥammad al-Ghuraybī, Ismā'īl bin Mūsā al-Suddī, Ibn al-Barqī, Rabi'i bin Sulaymān, Muḥammad bin Marzūq, Muḥammad bin al-Mathnā, Muḥammad bin 'Abd al-'Alā al-Ṣan'ānī, Yaḥyā b. Dāwūd al-Wāsiṭī, Sa'īd bin al-Rabi'i, Muḥammad bin Basyār dan ramai lagi.

Begitu juga beliau menggunakan istilah حديثٌ bagi sanad hadith yang hanya ia sendiri mendengarnya. Misalnya, Imam al-Tabarī mendengar hadith dari 'Ubayd Allah bin Asbat, Yūnus bin 'Abd al-'Alā, Aḥmad bin Maṇṣūr, Muḥammad bin Abī Mukhlid al-Wāsiṭī, Abū al-Sā'ib Salim bin Junādah al-Sawa'i, Muḥammad bin Ḥumayd al-Rāzī, Ya'qūb bin Ibrāhīm dan sebagainya. -

Imam al-Tabarī juga menggunakan istilah حَدَّثَنَا بعض أَصْحَابَنا. Sekiranya terdapat keraguan atau lupa terhadap nama para perawi maka beliau akan menjelaskannya dengan istilah ذَهَبَ عَنِ اسْمِهِ atau menggunakan perkataan ketika menyebutkan rangkaian sanad dan disusuli dengan perkataan شَكٌ أبو حَمْرَةٍ, seperti dalam riwayat berikut:

﴿ حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ قَالَ: ثَنَا جَâبِرُ بْنُ نُوحٍ، عَنِ الْأَفْرِيقِيِّ، عَنْ بْنِ بَشَّارٍ السُّلَيْمَى أَوْ أَبِى بَشَّارٍ، شَكٌ أَبُو حَمْرَةٍ، قَالَ: أَرْوَاحُ الشَّهِيدَاءِ فِي قَبَابٍ يَسْتَضِي مِنْ قَبَابِ الْحَسَنَةِ فِي كُلِّ قُبَّةٍ زَوْجَتَانِ، رَزَقَهُمْ فِي كُلِّ يَوْمٍ طَلْعَتِ السَّشْمَسُ نُورٌ وَحُوتٌ، فَامَّا الثُّورُ فَفِيهِ طَعْمٌ كُلُّ نَعْرَةٍ فِي الْجَنَّةِ، وَامَّا الْحُوتُ فَفِيهِ طَعْمٌ كُلُّ شَرَابٍ فِي الْجَنَّةِ ﴾

Maksudnya:

"Abū Kurayb menceritakan kepada kami. Beliau berkata, daripada Jâbir bin Nûh, daripada al-Afriqî, daripada Ibn Basyâr al-Sulamâ atau Abî Basyâr, Abî Ja'far (al-Tabarî) ragu-ragu, telah berkata: Roh para syuhada itu berada di kubah berwarna putih dari kubah-kubah syurga. Pada setiap kubah ada dua isteri, setiap hari sejak terbit matahari, mereka diberi makan lembu jantan dan ikan paus. Adapun makanan lembu jantan itu adalah segala buah di syurga, sedang ikan paus makanannya segala minuman di syurga."⁷⁷

Imam al-Tabarî juga membawakan rangkaian sanad yang *munqaṭi'* (terputus), terutama daripada riwayat al-Dâḥlâk bin Mazâhim daripada Ibn 'Abbâs. Ini kerana al-Dâḥlâk tidak bertemu dengannya atau sanad yang *dâ'iñ* (lemah) sekiranya di dalam riwayat tersebut terdapat nama Basyâr bin 'Imârah

⁷⁷ *Ibid.*, h. 55.

daripada Abī Rawq, disebabkan lemah pada Basyār.⁷⁸ Selain daripada itu, Imam al-Ṭabarī juga kerap membawakan riwayat al-Suddī daripada Abī Mālik, daripada Abī Ṣāleḥ daripada Ibn ‘Abbās atau daripada riwayat Murrah daripada Ibn Mas‘ūd daripada Sahabat r.a. Rangkaian perawi yang ada menyebut nama al-Suddī, menurut Ibn Kathīr wujud banyak keanehannya.⁷⁹

Tindakan Imam al-Ṭabarī yang kurang memberikan perhatian kepada sanad-sanad hadith sama ada sanad sahih, hasan (baik) dan *da’if* (lemah). Maka tidak hairanlah jika kitabnya dipenuhi dengan nama-nama sanad yang lemah seperti ‘Abd Allah bin Maymūn yang menurut Ibn Ḥātim hadithnya *matrūk* (dibuang) atau menurut al-Bukhārī sebagai orang yang mudah hilang hafazan hadithnya.⁸⁰ Begitu juga nama ‘Isā bin Qirṭās, di mana menurut al-Nasā’ī, beliau adalah *matrūk al-hadīth* (dibuang hadithnya).⁸¹ Imam al-Ṭabarī juga banyak membawakan rangkaian sanad yang lemah seperti rangkaian nama al-Kalbī daripada Abī Ṣāleḥ daripada Ibn ‘Abbās. Menurut al-Suyūtī, ia merupakan rangkaian sanad paling lemah daripada Ibn Abbās.⁸²

Namun begitu, hal ini lebih baik daripada membawakan riwayat yang langsung tidak dilengkapi dengan sanad. Dengan adanya sanad, sekurang-kurangnya boleh memberi ketenangan dan keyakinan di mana semakin sanad itu dekat kepada zaman yang dimaksudkan maka ia semakin utama. Imam al-Ṭabarī

⁷⁸ Al-Suyūtī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 209.

⁷⁹ *Ibid.*, h. 208.

⁸⁰ Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī (t.t.), *Mīzān al-‘Itidāl*. j.2. Dār al-Fikr, 512.

⁸¹ *Ibid.*, j. 3, h. 322.

⁸² Al-Suyūtī (t.t.), j. 4, h. 209.

menyatakan bahawa ketinggian nilai sesuatu riwayat itu diukur dengan kekuatan sanadnya, apabila semakin sanad itu mendekati kepada peristiwa yang dimaksudkan maka ianya semakin utama.⁸³

Imam al-Tabarī juga membuat penilaian terhadap sanad yang dibawakannya. Contohnya, hadith *wāhiyah al-asānid* (lemah sanadnya) tidak dibenarkan berhujjah dengannya dalam hal-hal agama⁸⁴ atau terhadap sanad khabar yang perlu diteliti kembali. Seperti yang telah dimaklumi, Imam al-Tabarī adalah pakar dalam bidang itu dan telah menulis banyak kitab-kitab yang berkaitan seperti “*Tarīkh al-Rijāl* atau kitab “*Tahdhīb al-Athār*. ”⁸⁵ Kekuatan kitab tersebut dinyatakan oleh al-Khaṭīb dengan ungkapan, saya belum pernah melihat kitab seumpama itu pada kandungan ertinya.⁸⁶

Ramai ulama memberikan kritikan kepadanya dalam masalah ini dan meragukan kepakaran yang beliau miliki. Ahmad Amin menyatakan, bahawa ia adalah sebahagian daripada budaya sejarah.⁸⁷ Menurut Ibn Kathīr, ia hanyalah untuk *isytisyād* (dalil atau alasan) dan bukan untuk ‘*ittidād* (menguatkan).⁸⁸ Muhib al-Dīn al-Khaṭīb menjelaskan, bahawa sikap Imam al-Tabarī itu samalah dengan seorang hakim yang mengumpulkan bermacam-macam dalil ke atas suatu

⁸³ Hasan al-Bāz (1997), *op. cit.*, h. 27.

⁸⁴ Tafsir al-Tabari (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 212.

⁸⁵ Al-Dāwūdī (1972), *op. cit.*, h. 111.

⁸⁶ Al-Suyūtī (1976), *op. cit.*, h. 96.

⁸⁷ Ahmad Amin (1998), *op. cit.*, h. 150

⁸⁸ Tafsir Ibn Kathīr (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 5.

peristiwa sama ada dalil itu sahih atau tidak bagi memberikan ketentuan hukum ke atas peristiwa tersebut.⁸⁹

Dalam hal ini, ustadh Ahmad Syâkir memberikan kritikan dan catatan khusus tentang. Beliau menyebut:

"Aku melihat banyak ulama mencela Imam al-Tabârî, kerana dalam kitabnya banyak dipenuhi riwayat-riwayat salaf yang membaca kitab-kitab. Mereka menyebutkan makna-makna al-Qur'ân dengan apa yang disebutkan daripada riwayat-riwayat dua ahli kitab salaf iaitu Taurat dan Injil. Aku ingin menjelaskan tentang cara al-Tabârî beristidlâl dengan riwayat ini sehingga dari riwayat ke riwayat. Aku akan menjelaskannya bagaimana seseorang yang salah memahami maksudnya. Al-Tabârî tidak dan berniat menjadikan riwayat-riwayat tersebut mendominasi kitab Allah yang tidak ada kebatilan dan kesalahan."⁹⁰

Pada bahagian yang lain, beliau menyatakan:

"Istidlâl Imam al-Tabârî dengan *athar* yang diriwayatkan lengkap dengan sanadnya bermaksud untuk meneliti makna lafaz atau menjelaskan *siyâq* (redaksi) ibarat. Dengan *istidlâl* yang demikian tidak mengapa jika ditemukan kelemahan dalam sanad yang tidak boleh diterima. Ini adalah cara yang dibenarkan dalam beristidlâl termasuklah di dalamnya membawakan khabar-khabar dan *athar* yang tidak diragukan lagi kelebihannya atau khabar itu sebahagian dari cerita *isrâ 'iliyyât*.⁹¹

Kesimpulannya, tujuan Imam al-Tabârî membawakan sanad-sanad hadith lemah yang ditemukan dalam berbagai bagai riwayat hanyalah untuk meneliti atau mengemukakan ragam makna yang berkaitan dengan ayat tertentu sedang dibincangkannya. Hal ini disamakan dengan mengambil makna daripada syair-

⁸⁹ 'Abd al-Salâm Abû Nayl (1992), *op. cit.*, j. 2, h. 226.

⁹⁰ *Tafsîr al-Tabârî* (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 16.

⁹¹ Ahmad Muhammâd al-Hûfi (1991), *al-Tabârî*, c. 1. Dâr al-Manâr, h. 58.

syair klasik. Beliau berpegang dengan kaedah para ulama iaitu sesiapa yang menyandarkan sesuatu maka ianya terlepas dari ikatan.⁹²

5.8. Menggunakan Zahir Lafaz Sebagai Kerangka Menguatkan Makna

Imam al-Tabarī menjadikan zahir al-Qur'ān sebagai hujah utama kerana ianya akan memberikan gambaran sebenar bahasa al-Qur'ān dari segi bahasa, susunan dan cara penyampaiannya. Oleh itu, beliau menolak pendapat-pendapat takwil sama ada berkaitan dengan makna lafaz, *qirā'ah*, *nāsikh mansūkh*, '<ām khās' dan sebagainya dengan mengambil pendekatan kepada zahir al-Qur'ān. Secara tegas beliau menolak apabila makna suatu ayat dipalingkan dari makna zahirnya tanpa didasari dengan dalil-dalil syarak, kaedah-kaedah bahasa Arab atau sebagainya yang membawa kepada hilangnya keutuhan dan kemurnian lafaz atau membawa kepada hilangnya makna yang diperolehi daripada al-Qur'ān atau hadith Nabi Muḥammad s.a.w. Ulama Uṣūl berpendapat bahawa zahir al-Qur'ān boleh dijadikan hujah.⁹³

Sehubungan itu, Imam al-Tabarī menolak takwil yang diberikan oleh para Sahabat r.a. atapun tabi'īn jika ia berlawanan dengan zahir al-Qur'ān. Contohnya, perbezaan siksa yang tidak terperi bagi seseorang yang telah mengambil *diyat* (denda) daripada wali pembunuhan seperti di dalam takwil ayat berikut:

⁹² Al-Hasan al-Bāz (1997), *op. cit.*, h. 16.

⁹³ Kasid Yāsir Ḥusayn al-Zubaydī (1992), "al-Tabarī al-Mufassir al-Nāqid ma' Muwāzanah bi Mufassirin Mu'āsirin lah", j. 2. ISESCO, H. 175.

﴿فَمِنْ أَعْتَدَ لَيْسَ بِذَلِكَ قُلْلَةٌ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

Terjemahan:

"Sesudah itu sesiapa yang melampaui batas (untuk membala dendam pula) maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

Surah al-Baqarah (2): 178.

Menurut Sa'īd bin Juwaybar, 'Ikrimah al-Ḍaḥḥāk, seksa yang tidak terperi itu ialah dengan dibunuh.⁹⁴ Sedangkan menurut Ibn Jurayz, keputusan hanya akan ditentukan oleh pemerintah dan pemerintah yang akan menimbulkan hukuman.⁹⁵

Menurut Imam al-Ṭabarī, takwil yang lebih utama bagi ayat tersebut ialah sesiapa yang melampaui batas setelah mengambil *diyat* (denda), lalu wali kepada mangsa membunuh pembunuh tersebut, maka baginya seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia iaitu di bunuh balik. Jadi takwil yang diberikan oleh Ibn Jurayz tersebut menyalahi apa yang ditunjukkan oleh *zahir* kitab Allah.⁹⁶

Contoh lain pada ayat berikut:

﴿فَإِنْ أَحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدَىِ﴾

⁹⁴ Tafsir al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 153.

⁹⁵ *Ibid.*, h. 155.

⁹⁶ *Ibid.*,

Terjemahan:

"Maka sekiranya kamu dikepong (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berihram, maka kamu bolehlah bertahallul serta) sembelihlah Dam yang mudah didapati;"

Surah al-Baqarah (2): 196.

Menurut ‘Atā, makna الْأَحْمَرِ ialah segala sesuatu yang boleh menghalangnya.⁹⁷ Manakala menurut Qatādah, makna perkataan tersebut ialah takut, sakit, dihalangi dari pergi ke Bayt Allah. Oleh itu, ia boleh mengirim *hady*, jika *hady* tersebut sudah sampai ditempat penahanan, maka ianya menjadi halal.⁹⁸

Pendapat lain mengatakan, jika kamu ditahan musuh semasa pergi ke Bayt al-Haram atau ditahan secara paksa oleh bani Adam atau adanya sebab ('illah) dibadan seperti sakit atau luka dan seumpama dengannya maka ia tidak termasuk di dalam makna ayat.⁹⁹

Bagi Imam al-Tabarī, maksud فَإِنْ أَحْمَرْتُمْ ialah takut daripada musuh. Jika penahanan seseorang itu tidak disertai rasa takut seperti takut pada pemerintah, suami, bapa dan sebagainya maka ia tidak termasuk di dalam zahir firman Allah

فَإِذَا أَمْنَسْتُمْ فَمَنْ تَمْتَعَ بِالْعُمَرَةِ إِلَى الْحَجَّ

¹⁰⁰ Hujah ini boleh dibuktikan melalui ayat berikut:

⁹⁷ *Ibid.*, h. 291.

⁹⁸ *Ibid.*,

⁹⁹ *Ibid.*, 292.

¹⁰⁰ *Ibid.*, h. 294.

Terjemahan:

"Kemudian apabila kamu berada kembali dalam keadaan aman, maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan Umrah, (dan terus menikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) ibadah haji."

Surah al-Baqarah (2): 196.

Merujuk kepada takwil yang diberikan oleh Imam al-Tabarī di atas, beliau lebih menekankan kepada makna حصر نسبٍ iaitu kepongan yang disertai tindakan menakut-nakutkan dan ia juga selari dengan makna ayat. Seseorang yang tidak boleh melakukan sesuatu kerana ditahan atau dihalangi oleh seseorang maka perkataan yang sesuai digunakan ialah perkataan حصرٌ dan bukan حصر نسبٍ sebagai contoh.¹⁰¹ Rumusan seperti ini juga telah diterapkan oleh Imam al-Tabarī kepada setiap perkataan حصر نسبٍ yang ada dalam al-Qur'ān.

Selain berpegang kepada makna zahir al-Qur'ān, Imam al-Tabarī juga menerapkan penggunaan tata bahasa Arab, *qirā'ah* dan sebagainya ke dalam beberapa bahagian lain di dalam takwilnya. Namun begitu, beliau bukanlah pengikut mazhab *al-Zāhiri*.¹⁰² Beliau menggunakan kaedah tersebut bagi menjaga kemurnian makna lafaz al-Qur'ān disamping mengawasi makna yang terkandung agar tidak lari daripada pemahamannya yang sebenar.

¹⁰¹ Polan mengepong saya dari menemui kamu.

¹⁰² Lihat h. 55.

5.9. Menolak Sebarang Takwil Yang Tidak Berdasas

Maksud takwil yang tidak berasas ialah bentuk takwil yang cenderung kepada pendapat peribadi yang berlebihan, sama ada bagi tujuan politik, golongan, ras, mazhab atau yang seumpama dengannya. Begitu juga setiap takwilan yang terkeluar daripada maksud dan tujuan al-Qur'an yang sebenar. Dalam *muqaddimah* (pembukaan) kitabnya, Imam al-Tabari menyediakan bab khusus bagi membincangkan hal ini iaitu bab ذكْرُ بَعْضِ الْأَحْبَارِ الَّتِي رُوَيْتْ بِالثَّهِيْغَةِ عَنِ الْقُرْآنِ فِي تَأْوِيلِ الْقُرْآنِ بِالرَّأْيِ. Al-Dhahabi pernah menyatakan, *ra'y* (nalar) dikaitkan juga dengan iktikad, ijtihad, dan *qiyās* (analogi).¹⁰³

Pada bahagian selanjutnya, beliau menyatakan:

"Takwil mana-mana ayat al-Qur'an yang tidak diketahui ilmunya kecuali dengan penjelasan daripada Rasulullah s.a.w. atau berdasarkan kepada *dalālah* (petunjuk) atasnya, maka tidak dibenarkan kepada siapapun berpendapat dengan akalnya semata-mata. Sesiapa yang membicarakan hal itu dengan akalnya, walaupun pendapatnya itu menepati kebenaran maka ia salah dari sudut perbuatannya. Berbicara dengan dengan akal kerana menepati kebenaran tidak meyakinkan bahawa ianya benar, namun kebenaran itu bersifat dugaan sahaja. Sesiapa yang berbicara tentang agama Allah dengan dugaan, maka sesungguhnya ia berbicara dengan Allah dengan sesuatu yang tidak diketahui olehnya dan ia amat dilarang oleh Allah s.w.t."¹⁰⁴

¹⁰³ Husayn al-Dhahabi (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 265.

¹⁰⁴ Tafsir al-Tabari (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 78.

﴿ قُلْ إِنَّمَا حَرَمَ رَبِّ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا يَبْطَلُ وَالْأَئْمَاءُ وَالْبَغْيُ
يَعْصِي الْحَقَّ وَ أَن تُشَرِّكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنْزَلْ بِهِ سُلْطَانًا وَ أَن تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ
مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴾

Terjemahan:

"Katakanlah; Sesungguhnya Tuhanmu hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (diharamkanNya) kamu mempersekuatkan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkanNya) kamu memperkataan kan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya."

Surah al-‘A‘rāf (7): 33.

Sehubungan dengan itu, Imam al-Tabari telah menulis beberapa catatan riwayat yang berkenaan dengan larangan tersebut. Misalnya, ucapan Abū Bakr al-Siddiq yang disampaikan oleh Abū Mu‘ammār yang berbunyi:

﴿ عَنْ أَبِي مُعْمَرٍ، قَالَ: قَالَ أَبُو بَكْر الصَّدِيقُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَيُّ أَرْضٍ
تُقِلِّي، وَأَيُّ سَمَاءً تُظْلِلِي، إِذَا قُلْتُ فِي الْقُرْآنِ مَا لَا أَعْلَمُ ﴾

Maksudnya:

"Daripada Abi Mu‘ammār, berkata Abū Bakr al-Siddiq r.a., bumi manapun yang mengangkat saya, langit manapun yang menaungi saya, apabila saya mengucapkan tentang al-Qur‘ān dengan apa yang saya tidak ketahui.¹⁰⁵

¹⁰⁵ Ibid.

Sebagai contoh, dakwaan nasakh yang terkandung di dalam ayat berikut:

﴿ وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِي يُقَاتِلُوكُمْ وَلَا تَعْقِلُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ

الْمُعْتَدِينَ ﴾

Terjemahan:

"Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan perperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh."

Surah al-Baqarah (2): 190.

Menurut Ibn Zayd, ayat di atas telah dinasakhkan¹⁰⁶ dengan ayat قَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِي يُقَاتِلُوكُمْ كَافِرَةً¹⁰⁷. Pendapat lain mengatakan, dakwaan ayat ini dinasakhkan hukumnya tidak berhujah.¹⁰⁸ Hal ini disepakati oleh 'Ibn Abbās, Mujāhid dan 'Umar bin 'Abd al-Azīz. 'Umar r.a. pernah mengirimkan sebuah utusan kepada 'Uddā bin Arṭah, sesungguhnya ia menemukan ayat dalam al-Qur'ān, ﴿ وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِي يُقَاتِلُوكُمْ وَلَا تَعْقِلُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴾ yang bermaksud jangan engkau membunuh terhadap orang-orang yang tidak membunuh kamu seperti wanita, anak-anak dan para pendeta.¹⁰⁹

¹⁰⁶ Tafsir al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 259.

¹⁰⁷ Surah al-Taubah (9): 36.

¹⁰⁸ Tafsir I al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 259.

¹⁰⁹ *Ibid.*

Setelah membuat analisis terhadap kedua-dua ucapan tersebut, Imam al-Tabarī memihak kepada takwil ‘Umar bin Abd al-‘Azīz yang menolak hukum nasakh daripada ayat di atas. Imam al-Tabarī menyatakan bahawa dakwaan hukum nasakh kepada ayat di atas adalah tidak tepat kerana tiada kebenarannya dan kemungkinan kedudukan ayat itu tidak dinasakh.¹¹⁰

Contoh lain pada ayat berikut:

﴿ تِلْكَ حُكْمُ اللَّهِ فَلَا يَعْتَدُوْهَا وَمَن يَتَعَدَّ حُكْمَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴾

Terjemahan:

“Itulah aturan-aturan hukum Allah maka janganlah kamu melanggarinya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”.

Surah al-Baqarah (2): 229.

Al-Ḍaḥḥāk mentakwil ayat di atas dengan sesiapa yang ditalak tanpa iddah maka ia telah melanggari aturan hukum dan berbuat zalim pada dirinya dan sesiapa yang melanggari aturan Allah maka mereka itulah orang-orang yang zalim.¹¹¹

Menurut Imam al-Tabarī, takwil al-Ḍaḥḥāk di atas tidak menepati pada fasal ini. Ini kerana penyebutan iddah talak tidak berlaku (...), apa yang berlakū

¹¹⁰ *Ibid*, h. 260.

¹¹¹ *Ibid*, h. 642.

ialah penyebutan iddah bagi talak *raj'i* (talak yang membolehkan suami kembali lagi). Sekiranya bukan talak *raj'i*, maka tidak perlu menyebutkan iddah talak.¹¹²

5.10. Pendiriannya Terhadap *Qirā'ah*

Imam al-Tabarī sangat mengambil berat tentang *qirā'ah* ketika mentakwil ayat al-Qur'ān. Yaqūt al-Ḥamawī ada menyatakan, Imam al-Tabarī mempunyai kitab tentang *qirā'ah* yang sangat agung yang terdiri daripada 18 volume.¹¹³ Menurutnya, *qirā'ah* mempunyai peranan penting bagi menguatkan mazhab *fīqh* atau kaedah tata bahasa atau juga elemen-elemen yang berkaitan dengan pemahaman suatu ayat. Beliau meyakini benar bahawa hal itu boleh membantu kepada pemahaman ayat tersebut.

Beliau membawakan berbagai-bagai bentuk *qirā'ah* sama ada *qirā'ah* penduduk Mekah, *qirā'ah* penduduk Madinah, *qirā'ah* penduduk Ḥijāz, *qirā'ah* penduduk Kufah, *qirā'ah* penduduk Baṣrah, *qirā'ah* penduduk Iraq, *qirā'ah* penduduk Syam, *qirā'ah* penduduk Mesir dan lainnya. Bukan itu sahaja, selalunya Imam al-Tabarī mengaitkannya dengan pembawa *qirā'ah* masing-masing. Misalnya, *qirā'ah* penduduk Kufah adalah bacaan oleh kebanyakan *qirā'ah* penduduk Madinah.

Pada setiap ayat yang dibincangkan, Imam al-Tabarī membawakan bermacam-macam *qirā'ah* dan membahasnya satu persatu diikuti dengan acuan makna pada setiap *qirā'ah* yang dibincangkan. Beliau menyakini bahawa *qirā'ah*

¹¹² *Ibid.*

¹¹³ Yaqūt al-Ḥamawī (t.t.), *op. cit.*, j. 18, h. 45.

merupakan sebahagian daripada cara untuk memperkayakan lagi makna al-Qur'an dan acuan takwilnya sama ada *qirā'ah masyhūr*, *syādh* atau *mutawātir*. Bahkan, beliau pernah memilih *qirā'ah* yang kontroversi yang tidak pernah di baca oleh ahli *qurrā'* atau sesiapa pun seperti *qirā'ah* al-Şaffār. Ibn 'Āmir pernah menyatakan *qirā'ah* al-Şaffār itu hasil pilihannya. Sesungguhnya aku tidak pernah melihat seorangpun mengambil *qirā'ah* daripada kecuali Abi al-Husayn al-Jubbi.¹¹⁴

Apabila dihadapkan kepada banyak *qirā'ah* pada satu ayat tertentu, beliau akan memilih *qirā'ah* penduduk Mekah, Madinah, Iraq, Basrah, Kufah dan lain-lain disesuaikan dengan makna ayat yang beliau takwil. Apabila ditemukan dua *qirā'ah* atau lebih yang berbeza dari segi bacaan serta tidak menyalahi pada makna ayat, maka beliau menerima keduanya. Misalnya, pada bacaan ayat berikut:

﴿ وَمَنْ نَطَّعَ عَبِيرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلَيْهِمْ ﴾

Terjemahan:

"Dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui."

Surah al-Baqarah (2): 158.

Penduduk Madinah dan Basrah membaca نَطَّعْ dengan نَطَّعْ dan fatah pada عَنِين، sedangkan penduduk Kufah membaca نَطَّعْ dengan نَطَّعْ، mati pada عَنِين

¹¹⁴ *Ibid.*

dan pada طَبَقَ pada mengikut bacaan ‘Abd Allah bin Mas‘ūd. Menurut Imam al-Tabari, kedua-dua *qirā’ah* tersebut dikenali kesahihannya meskipun kedua-dua bacaan *qira’ah* tersebut berbeza namun benar dari segi makna. Oleh itu, membaca yang mana sahaja dari bacaan tersebut adalah dibenarkan.¹¹⁵

Selain penekanan kepada makna, syarat lain yang diterapkan Imam al-Tabari untuk menerima *qirā’ah* ialah ianya sejalan dengan ucapan orang Arab dari segi makna dan kaedah tata bahasanya. Namun, sekiranya hal itu berlawanan dengan *ijmā’* atau *hujjah qurrā’*, maka Imam al-Tabari akan meninggalkan syarat tersebut. Misalnya, pada takwil ayat berikut:

﴿إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالسَّلْدَمُ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا هِلْ يَهْ لِغَنِيرِ اللَّهُ﴾

Terjemahan:

“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah”

Surah al-Baqarah (2): 173.

Menurut Imam al-Tabari, إِنَّمَا pada ayat di atas adalah satu perkataan menjadi perkataan اللَّهُ serta perkataan النَّبِيَّ dan perkataan yang mengikutnya di baca baris atas (fatah). Namun, ada juga ahli *qurrā’* yang menjadikan إِنَّمَا itu terdiri dari dua huruf iaitu إِنْ dan مَا yang dirangkaikan menjadi satu. Maka

¹¹⁵ Tafsir al-Tabari (1998), op. cit., j. 2, h. 71.

menurut pendapat ini, perkataan ألمية dan perkataan yang mengikut dengannya haruslah dibaca dengan baris hadapan (*dommah*). Jadi takwil ayat itu ialah:

﴿إِنَّ الَّذِي حَرَمَ اللَّهُ عَلَيْكُم مِّنَ الْمَطَاعِمِ الْمَسْتَهِ وَالسَّدْمُ وَلَحْمُ الْخِسْرِ﴾

Maksudnya:

"Sungguh makanan-makanan yang diharamkan oleh Allah kepadamu adalah bangkai, darah dan daging babi."¹¹⁶

Takwil di atas dibenarkan dalam ucapan orang-orang Arab dan wujud kebenaran pada pemahamannya. Akan tetapi, Imam al-Tabarī berpendapat, takwil ia menyalahi *hujjah qurrā'*, maka ia tidak dibenarkan bagi seseorang untuk menentang apa yang dibawakannya.¹¹⁷

Jenis *mushaf* yang ada ditangan kaum muslimin juga turut dijadikan pegangan Imam al-Tabarī bagi menerima *qirā'ah*. Beliau menolak bacaan Ibn 'Abbās yang menambahkan ۚ pada ayat yang نَلَأَ حَتَّاجَ عَلَيْهِ أَن لَا يَبْطُرَ فَهَذِهِ terkandung di dalam surah al-Baqarah, ayat 158. Bacaan tersebut menurut Imam al-Tabarī, menyalahi mana-mana *mushaf* kaum muslimin. Oleh itu tidak dibenarkan bagi seseorang menambahkan sesuatu yang tidak ada pada *mushaf*nya.¹¹⁸

Bagi Imam al-Tabarī, kemurnian dan keaslian lafaz al-Qur'ān perlu dijaga-Tidak dibenarkan kepada mana-mana pihak menambah atau mengira bahawa itu

¹¹⁶ *Ibid.*, h. 115.

¹¹⁷ *Ibid.*,

¹¹⁸ *Ibid.*, h. 70.

adalah tambahan sama ada berkaitan dengan huruf atau lafaz seperti tambahan 'y pada ayat di atas.

Daripadauraian di atas, dapat kita simpulkan bahawa asas Imam al-Tabarī dalam memilih *qirā'ah* berpegang kepada makna. Ertinya, *qirā'ah* akan membawa kepada makna yang benar. Keduanya, Imam al-Tabarī memperhatikan *siyāq* (redaksi) al-Qur'ān, jika redaksi al-Qur'ān itu menunjuk kepada kebenaran *qirā'ah*, maka hal itu menjadi ukuran untuk dipilih. Ketiga, *ijmā' qurrā'*, bagi beliau pendapat mana-mana *qirā'ah* tidak boleh berlawanan dengan *ijmā' qurrā'* meskipun *qirā'ah* tersebut dibenarkan secara bahasa serta kaedah-kaedahnya. Keempat, Imam al-Tabarī juga membuat penyelarasan dengan ucapan orang Arab, mana-mana *qirā'ah* yang tidak sejalan dengan ucapan orang Arab maka ia dinilai sebagai *syādh* (lemah) oleh Imam al-Tabarī ditolak dan tidak dibenarkan dibaca.

5.11. Menggunakan Kekuatan Ijmak Dalam Memilih Takwil

Ijmak, menurut Imam al-Tabarī mempunyai kekuatannya yang tersendiri dalam mentakwil ayat-ayat al-Qur'ān. Ijmak di dalam takwil bertujuan untuk menentukan takwil-takwil pilihan yang disukai sama ada sewaktu memilih takwil makna lafaz atau menerangkan kedudukan ayat dalam *i'rāb* atau membincangkan tentang *qirā'ah* dan sebagainya. Imam al-Tabarī akan menolak mana-mana takwil yang menyalahi ijmak ulama meskipun takwil itu dikemukakan oleh tokoh-tokoh takwil terkemuka seperti Ibn 'Abbās, Mujāhid atau lainnya. Contohnya takwil pada ayat berikut:

﴿ وَلِكُلِّ وِجْهٍ هُوَ مُؤْلِيٌ هَا فَاسْتَبِقُوا الْخَمَّاتِ ﴾

Terjemahan:

"Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menunjukkannya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan".

Surah al-Baqarah (2): 148.

Ibn Abbās membaca ayat di atas dengan مَرْءُ مُرَأَتٍ yang mempunyai makna menghadap ke arah kiblat. Menurut Imam al-Tabarī pula, *qirā'ah* yang benar pada ayat tersebut ialah مَرْءُ مُرَأَتٍ berasas *ijmā'* *hujjah qurrā'* (disetujui para ulama *qirā'ah*), yang membaca ayat tersebut dan membenarkannya dan ia dianggap *syādh* (lemah) kepada sesiapa yang membaca ayat tersebut kepada lainnya.¹¹⁹

Imam al-Tabarī juga menggunakan kekuatan *ijmā'* (konsensus) bagi meneliti kaedah bahasa atau makna lafaz, misafinya takwil ayat di bawah ini:

﴿ وَأُنْوَابِهِ مُشَابِهِ ﴾

Terjemahan:

"Dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya),"

Surah al-Baqarah (2) 25.

¹¹⁹ *Ibid.*, h. 41.

Abū Mūsā al-Asy'ārī ada mengatakan, sewaktu Allah s.w.t., mengeluarkan Adam a.s. dari syurga, Allah s.w.t. membekalinya dengan macam-macam buah syurga dan memberikan tunjuk ajar kepadanya membuat segala sesuatu. Buah kamu ini adalah buah dari syurga, buah yang ini berubah tetapi buah yang itu tidak berubah.¹²⁰

Menurut Imam al-Tabarī, ucapan ini tidak benar kerana menampakkan kesalahannya pada *dalālah* (petunjuk) disebabkan terkeluar daripada ucapan ulama takwil. Apabila terkeluar daripada ucapan ramai ahli ilmu, maka ia menunjukkan kepada kesalahannya.¹²¹

5.12. Membiarkan Sifat ‘Ām Ayat Sebelum Ada Dalil

Keumuman ayat (‘ām) ialah suatu lafaz yang maknanya masih menyeluruh (umum) dan boleh dimasuki sebarang makna tanpa ada batas.¹²² Terdapat beberapa lafaz yang yang diklasifikasikan oleh ulama sebagai lafaz ‘ām seperti perkataan ﻚ, mana-mana lafaz yang dimarifahkan dengan ﻪ sebagai penentu makna, *nakirah* yang jatuh selepas perkataan ﻮ atau ﻲ yang berfungsi sebagai menidakkan atau larangan atau setiap *ism al-mawṣūl* (kata perangkai) seperti perkataan ﻚ and segala bentuk cabangnya atau mana-mana *ism al-syart* (demonstrative pronoun) seperti perkataan ﻮ, ﻮ and sebagainya.

¹²⁰ Tafsir al-Tabarī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 393.

¹²¹ *Ibid.*, h. 394.

¹²² Mannā' al-Qaṭṭān (1995), *op. cit.*, h. 221.

Kaitannya dengan perbahasan di atas, Imam al-Ṭabārī mempunyai sikap yang berbeza dengan ulama-ulama lain. Beliau akan membiarkan sifat ‘ām (umum) atau *muṭlaq* (tidak terbatas) sesuatu ayat daripada al-Qur’ān selama-mana tidak ada dalil kuat yang membawa serta boleh membawa ayat tersebut kepada makna lain. Imam al-Ṭabārī pernah mengatakan, tidak dibenarkan kepada sesiapa sahaja memindahkan hukum zahir ayat al-Qur’ān kepada takwil batin tanpa ada hujah yang kuat.¹²³

Bagi menjelaskan lagi perbincangan ini, penulis bawakan beberapa contoh seperti firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

﴿فَمَنْ فَرِضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقٌ وَلَا حِجَّالٌ فِي الْحَجَّ﴾

Terjemahan:

“Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji.”

Surah al-Baqarah (2): 197.

Ibn ‘Abbās, Ibn Ṭāwūs, Imam ‘Atā’, Mujāhid, ‘Ikrimah, al-Ḥasan al-Baṣrī, Sa‘id bin Jubayr mengertikan perkataan رَفَثٌ dengan hubungan suami isteri, nikah, ucapan sindiran kepada perempuan bagi melakukan *jimā’* (hubungan suami isteri) dan sebagainya.

¹²³ Tafsir al-Ṭabārī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 365.

Pada amnya, ulama-ulama di atas memberikan makna tertentu terhadap perkataan tersebut, padahal perkataan itu bila dilihat dari segi penggunaannya dalam penggunaan bahasa Arab adalah bagi menunjukkan kepada setiap ucapan kotor¹²⁴ yang masih ‘ām (umum) berbeza dengan perkataan رَأْتُ dalam surah al-Baqarah ayat 187 yang ditentukan maknanya bagi *jimā’* melalui *kinayah* (sindiran). Di dalam sebuah syair ada menyebut:

وَرُبُّ أَسْرَابٍ حَجِيجٌ كُفْلٌ * عَنِ اللَّعَا وَرَفَتُ التَّكْلُمُ¹²⁵

Sedikit sekali golongan orang yang melakukan
haji boleh menahan *

Dari perbuatan tercela dan ucapan yang
kotor.

Imam al-Tabari membiarkan sifat ‘ām (umum) pada perkataan di atas kerana tidak adanya dalil kuat yang boleh menidakkannya kepada makna baru. Menurut beliau lagi, rama ahli ilmu berselisih berkenaan takwil perkataan tersebut. Ini adalah larangan daripada Al-Fah s.w.t. kepada sebahagian atau keseluruhan makna رَأْتُ, atau mencakupi semua makna. Ini kerana tidak ada hadith yang mengkhususkan makna رَأْتُ itu kepada perempuan daripada makna-makna رَأْتُ lain yang wajib diterima.¹²⁶

Imam al-Tabari telah menerapkan rumusan ini kepada makna فُسْرَقٍ dan جَنَانٍ yang ada pada ayat selanjutnya. Menurut Imam al-Tabari, janganlah di

¹²⁴ *Ibid.*

¹²⁵ *Ibid.*, h. 561.

¹²⁶ *Ibid.*, h. 365.

antara kamu semua sewaktu ihram melakukan apa sahaja yang dilarang melakukannya di luar waktu ihram, kerana pengkhususan melakukan perbuatan tersebut pada waktu ihram tidak ada dalil. Oleh itu , larangan tersebut bersifat ‘ām sama ada waktu halal atau ihram.¹²⁷

Contoh yang lain sewaktu memberikan takwil perkataan **النَّحْصَنَاتِ** pada ayat berikut:

﴿وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ﴾

Terjemahan:

“Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki.”

Surah al-Nisā’ (4) 24.

Ibn ‘Abbās, Abū Qalabah mengatakan, maksud **النَّحْصَنَاتِ** ialah perempuan-perempuan yang mempunyai suami dan bukan wanita tawanan perang.¹²⁸ Pendapat lain mengatakan, ia ialah wanita-wanita yang menjaga kehormatan dirinya (‘afā ‘if).¹²⁹ Pendapat lain mengatakan, ia ialah wanita-wanita yang ‘iffah daripada kaum muslimin dan ahli kitab¹³⁰ atau juga wanita-wanita yang ‘iffah dan mempunyai suami.¹³¹

¹²⁷ *Ibid.*, h. 37.

¹²⁸ *Ibid.*, j. 4, h. 3.

¹²⁹ *Ibid.*, h. 7.

¹³⁰ *Ibid.*, h. 8.

¹³¹ *Ibid.*, h. 10.

Menurut Imam al-Tabarī, Allah s.w.t. tidak mengkhususkan perkataan **نَحْمَة** kepada makna tertentu. Oleh itu, kita wajib membawa kesemua makna perkataan **نَحْمَة** dengan mana-mana makna **لِأَحْمَانَ** sama ada larangan **لِأَحْمَانَ** kerana zina atau nikah.¹³²

Pendirian Imam al-Tabarī akan berbeza jika ayat yang bersifat ‘ām itu ada **إِنَّ اللَّهَ** iaitu **إِنَّ** yang berfungsi menentukan sifat makna ‘ām ayat. Misalnya, pada ayat berikut:

﴿ لَا إِكْرَاهًا فِي الدِّينِ ﴾

Terjemahan:

“*Tidak ada paksaan dalam agama (Islam),*”

Surah al-Baqarah (2): 256.

Imam al-Tabarī memberikan makna **الدِّين** sebagai agama Islam.¹³³ Ia diketahui melalui **إِنَّ** yang ada pada perkataan tersebut.

Pendirian Imam al-Tabarī yang membiarkan sifat ‘ām ayat dengan tidak memberikan *takhsis* makna amat berkesan dalam pembentukan hukum *fiqh* yang beliau asaskan lebih-lebih lagi apabila dihadapkan dengan ayat-ayat hukum, ketika mana ulama *fiqh* lain memberikan *takhsis* makna kepada ayat yang bersifat ‘ām itu. Melalui kaedah tersebut, beliau menghalalkan memakan binatang buruan

¹³² *Ibid.*, h. 12.

¹³³ *Ibid.*, j. 3, h. 26.

yang diburu dengan binatang yang bertaring sama ada berupa burung atau binatang buas yang diberi tunjuk ajar cara-cara berburu..

Pendapat itu berdasarkan kepada firman Allah dalam surah al-Mā'idah yang berbunyi:

وَمَا عَلِمْتُم مِّنَ الْحَوَارِجِ مُكَلِّبِينَ تَعْلَمُونَهُنَّ مِّمَّا عَلَمْتُكُمُ اللَّهُ أَعْلَمُ
وَمَا عَلِمْتُم مِّنَ الْحَوَارِجِ مُكَلِّبِينَ تَعْلَمُونَهُنَّ مِّمَّا عَلَمْتُكُمُ اللَّهُ أَعْلَمُ

فَكُلُّوا مِمَّا أَسْكَنَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ وَآذُكُرُوا نَاسَ اللَّهِ عَلَيْهِ
فَكُلُّوا مِمَّا أَسْكَنَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ وَآذُكُرُوا نَاسَ اللَّهِ عَلَيْهِ

Terjemahan:

"Dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatihpelatihp binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya (ketika kamu melepaskannya berburu); "

Surah al-Mā'idah (5): 4.

Demikianlah pendirian Imam al-Tabarī terhadap ayat yang masih bersifat 'ām. Beliau akan membiarkan ayat tersebut seperti *manṭūqnya* selama mana tidak ada dalil yang mengkhususkannya sama ada daripada al-Qur'ān, hadith Nabi atau *siyāq* nas itu sendiri yang membolehkan sifat 'ām ayat tersebut di bawa ke makna lain atau *ditakhsis* oleh ayat lain.

5.13. Memahami Makna Ayat Melalui Pendekatan Bahasa

Pendekatan yang digunakan oleh Imam al-Tabarī semasa mentakwil selalunya merujuk kepada ucapan orang-orang Arab melalui syair-syair mereka. Syair boleh membantu untuk memahami al-Qur'ān jika ditemukan apabila didapati lafaz-lafaz yang sukar difahami maknanya. Imam al-Tabarī ada mengatakan, takwil boleh juga diketahui melalui ucapan-ucapan mereka sama ada melalui *syahid-syahid* (alasan atau dalil) syair yang tersebar atau melalui ucapan bahasanya yang boleh dikenali.¹³⁴

Ramai ulama takwil sebelum Imam al-Tabarī mendekatkan makna lafaz berpandukan kepada ucapan Arab seperti Abū 'Ubaydah dan Mujāhid bahkan dikalangan Sahabat r.a. seperti Ibn 'Abbās. Bahkan beliau pernah mengatakan, apabila kalian menanyakan kepada saya tentang *gharīb al-Qur'ān* maka kalian cari pada syair Arab kerana syair adalah *diwān* Arab.¹³⁵

Dalam sebuah hadith yang disampaikan oleh Ibn 'Abbās bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

﴿عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ أَنَّهُ قَالَ إِنَّ أَعْرَابِيَاً جَاءَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَكَلَّمَ بِكَلَامِ يَسِينَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنْ الْبَيْانِ سِحْرٌ وَإِنَّ مِنَ الشِّعْرِ حُكْمًا﴾

¹³⁴ Tafsir al-Tabarī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 93.

¹³⁵ Al-Suyūṭī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 55.

Maksudnya:

“Daripada Ibn Abbās, sesungguhnya beliau berkata, seorang arab telah datang kepada Nabi Muḥammad s.a.w. lalu ianya berperkataan dengan ucapan yang jelas, kemudian Nabi Muḥammad s.a.w. bersabda sesungguhnya daripada penjelasan itu ada keajaiban dan sesungguhnya daripada syair itu ada hukum.¹³⁶

Bagi mengetahui sejauh mana Imam al-Ṭabarī mengguna pakai pendekatan syair, penulis bawakan beberapa contoh ayat, di antaranya:

﴿إِنَّ الظَّالِمِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ﴾

Terjemahan:

“Sesungguhnya orang-orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman.”

Surah al-Baqarah (2): 6.

Menurut Imam al-Ṭabarī, menurut orang Arab, asal perkataan kafir bermaksud penutup sesuatu. Oleh itu, mereka menamakan malam dengan كافر kerana kegelapan malam menutupi apa yang dipakainya.¹³⁷ Dalam sebuah syair ada mengatakan:

أَلْقَتْ ذُكَاءً يَعِينَهَا فِي كَافِرٍ * فَتَذَكَّرُ كُلُّ رَبِيلٍ، بَعْدَ مَا

Burung unta jantan dan betina saling mengingatkan putih telurnya yang tersusun rapi setelah *

¹³⁶ Laylā Tawfiq al-Umari (1992), “al-Tafsīl wa al-Syi’ri al-Jāhilī”, j. 2, ISESCO, h. 298.

¹³⁷ Tafsir al-Ṭabarī (t.t.), op. cit., j. 1, h. 255.

Orang cerdik pandai meletakan penutup dikanan kirinya.

Di dalam syair yang lain mengatakan:

فِي لَيْلَةِ كَفَرَ النُّجُومُ عَنْ أَهْمَانِهَا¹³⁸

Awan malam menutupi Cahaya gemerlap bintang-bintang.

Imam al-Tabari adalah tokoh yang dapat menguasai syair-syair klasik pada kebanyakkan takwilnya. Beliau selalu mengaitkan makna lafaz dengan syair-syair jika diperlukan tetapi dengan syarat syair tersebut haruslah makna yang popular, dikenali, tersebar dan berlaku dalam penuturan masyarakat Arab. Imam al-Tabari akan menolak mana-mana takwil pada makna yang kurang diguna pakai atau tidak dikenali oleh masyarakat Arab meskipun makna tersebut ada dan dibenarkan dalam ucapan masyarakat Arab. Misalnya pada ayat berikut:

﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالَةَ بِالْمُدَى فَمَا يَحِدْثُ تِجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا

مُهَاجِرِينَ﴾

Terjemahan:

"Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk; maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk".

Surah al-Baqarah (2): 16.

¹³⁸ Ibid.

Perkataan اشتَرِّوا dalam ucapan orang Arab mempunyai banyak erti. Ia boleh diertikan sebagai menyukai¹³⁹ atau bererti memilih.¹⁴⁰ Orang Arab selalu berkata اشتَرِّتْ كَذَا عَلَيْهِ maknanya maknanya. Dalam sebuah syair ada mengatakan:

فَقَدْ أَخْرَجَ الْكَاعِبَ الْمُسْتَرَّا * وَمِنْ حِذْرِهَا وَأَشْبَعَ الْقِيمَارَ.¹⁴¹

Montok buah dadanya yang dipilih*

Telah keluar daripada seorang gadis
menjadi kusut mata para penjudi.

الْمُسْتَرَّةُ bermakna yang dipilih.

Imam al-Tabari berpendapat, walaupun ia bermakna pada takwil, tetapi makna itu tidak dipilih kerana Allah s.w.t. berfirman فَأَرَبَّتْ تِحَارِثُهُمْ iaitu makna yang yang menunjukkan kepada makna yang diketahui manusia dengan menukar sesuatu dengan sesuatu yang lain dan mengambil gantinya.¹⁴²

Bukan itu sahaja, Imam al-Tabari juga menerapkan makna yang diketahui manusia atau makna yang popular dan sebagainya di dalam penggunaan kaedah bahasa Arab. Beliau akan menolak mana-mana pendapat yang menganjurkan

¹³⁹ *Ibid.*, h. 313.

¹⁴⁰ *Ibid.*,

¹⁴¹ *Ibid.*,

¹⁴² *Ibid.*, h. 314.

sesuatu kaedah yang tidak dikenali dalam masyarakat Arab. Misalnya, pada ayat berikut:

﴿ وَإِذَا خَلَوْا إِلَيْ شَيَاطِينِهِمْ ﴾

Terjemahan:

“Dan manakala mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka.”

Surah al-Baqarah (2): 14.

Ada ulama yang membolehkan perkataan **إِلَيْ** pada ayat di atas dengan makna **وَإِذَا خَلَوْا إِلَيْ مَنْعَ شَيَاطِينِهِمْ** atau **وَإِذَا عَلَوْا إِلَيْ بَشَّارَطِينِهِمْ**, مع **أَوْ** atau **وَإِذَا خَلَوْا إِلَيْ**. Menurut Imam al-Tabari, perletakan setiap huruf daripada huruf-huruf bererti ianya mempunyai makna tersendiri yang lebih utama daripada yang lainnya. Oleh itu, ia tidak boleh menukar huruf itu kepada huruf yang lain kecuali dengan hujah yang boleh diterima.¹⁴³

Selain itu, Imam al-Tabari juga telah menguatkan makna yang diperolehi daripada syair itu dengan hadith Nabi Muhammad s.a.w. sekiranya ada. Akan tetapi, beliau tidak teragak-agak menolak dan meninggalkan makna daripada syair jika makna tersebut dilihat berlawanan dengan pendapat ahli ilmu atau zahir al-Qur'an meskipun makna yang ada pada syair tersebut bertepatan dengan aturan tata bahasa Arab. Misalnya pada perkataan **الْفَرَاءُ** dan **الْكَافُ** pada ayat berikut:

¹⁴³ *Ibid.*, j. 1, h. 299.

Terjemahan:

“Dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan,”

Surah al-Baqarah (2): 177.

Ibn Mas‘ūd mengatakan **الْفَقَرَاءُ** bermakna fakir dan **الْمَرْءُونَ** bermakna sakit¹⁴⁴ dan sokong oleh ‘Abd Allah bin ‘Umar, Qatādah dan al-Dāḥḥāk bin Mazāhim.

Manakala ulama dikalangan ahli bahasa Arab berbeza pendapat tentang takwil kedua-dua perkataan tersebut. Sebahagian mereka ada yang mengatakan perkataan **الْفَقَرَاءُ** dan **الْمَرْءُونَ** merupakan perkataan berbentuk kata benda (*masdar*) mengikut *wazan* (ukuran) **فَضْلَةٌ**. Ia tidak mempunyai bentuk *fi'il* kerana didatangi dalam bentuk kata nama (*al-ism*). Ada juga yang mengatakan bahawa perkataan tersebut merupakan kata nama (*al-ism*) yang berbentuk *mashdar*.¹⁴⁵

Menurur Imam al-Ṭabarī, pendapat takwil di atas menyalahi takwil yang dikemukakan oleh ahli takwil yang mentakwil **الْفَقَرَاءُ** dan **الْمَرْءُونَ** meskipun takwil tersebut dibenarkan mengikut kaedah bahasa Arab. Ini kerana, ahli takwil mentakwil perkataan **الْفَقَرَاءُ** dan **الْمَرْءُونَ** bermakna **فَقَرَاءُونَ** bermakna yang ada

¹⁴⁴ Tafsir al-Ṭabarī (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 134.

¹⁴⁵ *Ibid.*, h. 136.

pada badan. Oleh itu, mentakwilkan makna **اسْتَأْتَمْ** itu sebagai **الْفَعْلَةِ** dan **الْفَعْلَةِ** (perkataan yang menunjukkan nama perbuatan) dan bukan **صِفَاتُ الْأَسْتَأْتَمْ**¹⁴⁶

Namun, pendekatan Imam al-Tabari ini mempunyai kesan yang mendalam jika diterapkan kepada hukum *fiqh* atau ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum *fiqh*. Dasar inilah yang banyak membuatkan Imam al-Tabari berbeza pendapat dengan ulama-ulama *fiqh* lain dalam beberapa hukum *fiqh* tertentu. Misalnya, pendapat beliau yang membolehkan cukup seorang saksi bagi kesalahan zina yang membolehkan pelaku zina itu dikenakan hukuman. Dalam surah al-Nur di sebutkan:

﴿ وَلَا يَشَهِدُ عَنْ أَبْعَدِهِمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴾

Terjemahan:

"Dan hendaklah disaksikan hukuman siksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman."

Surah al-Nur (24): 2.

Perkataan **طَائِفَةٌ** dalam ucapan orang Arab menunjukkan kepada bilangan satu sampai seribu. Beliau berpendapat, dibolehkan saksi itu hadir walaupun kurang dari makna yang dicakupi dalam lafaz **طَائِفَةٌ**.¹⁴⁷ Pendapat Imam al-Tabari

¹⁴⁶ *Ibid.*, j. 3, h. 136.

¹⁴⁷ Muhammad Rawās Qal'ah Jī (1992), "Fiqh Muhammad bin Jarir al-Tabari", j. 1. ISESCO, h. 174.

tersebut banyak ditemukan dalam kitab takwilnya terutamanya jika berkaitan dengan ayat-ayat hukum.

Kesimpulannya, syair memainkan peranan penting bagi Imam al-Tabarī, bukan sahaja digunakan bagi meneliti makna lafaz tertentu tetapi digunakan bagi menentukan kebenaran tentang penggunaan suatu huruf dalam al-Qur'ān ataupun bagi membincangkan kaedah tertentu dalam bahasa Arab yang berlaku ditengah-tengah ucapannya. Dalam muqaddimah kitabnya, beliau mengatakan makna-makna kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi Muḥammad s.a.w. hendaklah sejalan dengan makna dalam ucapan orang Arab.¹⁴⁸

5.14. Menolak Makna Takwil Yang Jauh Dari Zahir al-Qur'ān

Imam al-Tabarī adalah ulama yang berpegang kepada ucapan orang Arab dalam memberikan makna al-Qur'ān seperti yang telah dibincangkan pada fasal sebelumnya. Apa sahaja yang terkeluar daripada ucapan-ucapan mereka menjadi hujah dan kunci utama bagi Imam al-Tabarī memilih, menolak atau mengkritik pendapat seseorang sama ada berkaitan dengan makna lafaz, kaedah bahasa Arab dan sebagainya.

Selain makna-makna tersebut hendaklah popular, dikenali dikalangan mereka seperti yang telah penulis singgungkan sebelumnya, Imam al-Tabarī juga mensyaratkan bahawa tersebut tidak terlalu jauh dengan apa yang yang dihendaki di dalam al-Qur'ān. Oleh itu, beliau akan menolak mana-mana makna yang dimbil

¹⁴⁸ Tafsir al-Tabarī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 12.

dari pada ucapan orang Arab jika dinilai terlalu jauh dengan yang dikehendaki oleh al-Qur'an, meskipun hal itu dibenarkan secara bahasa. Misalnya, pada ayat berikut:

﴿ يَأَيُّهَا الَّذِينَ أَتُوا الْكِتَابَ عَامِنُوا بِمَا نَزَّلْنَا مُصَدَّقًا لِّمَا مَنَّا مِنْ ﴾
قَبْلَ أَنْ تُطِيعَنَّ وُجُوهُهَا فَتَرَدَّهَا عَلَى أَدْبَارِهَا أَوْ تَلْعَثُهُمْ كَمَا لَعَثَّا
أَصْحَابَ السَّبَّتِ وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولًا ﴾

Terjemahan:

"Wahai orang-orang yang telah diberikan Kitab, berimanlah kamu dengan apa yang telah Kami turunkan (Al-Quran), yang mengesahkan Kitab-Kitab yang ada pada kamu, sebelum Kami menyeksa dengan menghapuskan bentuk muka kamu (sehingga berubah menjadi rata - tidak bermulut, berhidung dan bermata), lalu Kami menjadikannya sama seperti rupa sebelah belakangnya, atau Kami melaknatkan mereka sebagaimana Kami telah melaknatkan orang-orang (dari kaum mereka - Yahudi) yang melanggar larangan bekerja pada hari Sabtu. Dan (ingatlah) perintah Allah itu tetap berlaku."

Surah al-Nisā' (4): 47.

Bagi mentakwil ayat di atas, Ibn 'Abbās memahami ayat di atas bahawa Allah akan menjadikan rupa-rupa Yahudi dan Nasrani itu ke belakang punggungnya. Mereka akan berjalan dengan mundur dan Allah akan meletakkan dua buah mata padanya.¹⁴⁹ Takwil ini juga dipersetujui oleh 'Aṭiyah al-'Ufi dan Qatādah bin Da'āmah al-Sadūsī. Sementara Mujāhid, al-Ḥasan al-Baṣrī dan al-Dahhāk memahami ayat di atas bahawa Allah akan menjauhkan orang Yahudi dan Nasrani dari petunjuk dan bukti-bukti kebenaran. Allah juga telah memalingkan mereka sehingga ia melakukan kekafiran dengan Nabi Muḥammad s.a.w. dan

¹⁴⁹ Tafsir al-Ṭabarī (1995), op. cit., j. 4, h. 170.

apa yang dibawanya.¹⁵⁰ Sedangkan menurut Ibn Zayd, maksud ayat منْ قَبْلِ أَنْ عَلَى أَذْبَارِهَا، ظَاهِرٌ وَخُرُفٌ قَرْدَهُ، ialah mereka akan dipalingkan mukanya ke arah negeri Syam.¹⁵¹

Menurut Imam al-Tabari¹, takwil Ibn Zayd di atas meskipun mempunyai dasar, namun jauh daripada apa yang ditunjukkan dalam *zāhir al-tanzīl* (makna lahiriyah al-Qur'an) iaitu yang telah dikenal daripada perkataan آثر شره dalam ucapan orang Arab adalah lawan kepada sebelah belakang. Manakala takwil al-Qur'an secara umum pula akan disesuaikan dengan ucapan bahasa seseorang di mana al-Qur'an diturunkan sehingga menunjukkan kepada makna yang dimaksudkannya.¹⁵²

Contoh lain dalam mentakwil ayat berikut:

﴿ كَيْفَ تَكُفُّرُونَ بِاللهِ وَكُلُّمُ اُمُوَّا نَفَاحِيَا كُمْ ثُمَّ يُحِسِّكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَمُونَ ﴾

Terjemahan:

"Bagaimana kamu tergamac kufur (mengingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian Ia menghidupkan kamu; setelah itu Ia mematikan kamu, kemudian Ia menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat); akhirnya kamu dikembalikan kepadaNya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu kerjakan)."

¹⁵⁰ Ibid., h. 171.

¹⁵¹ Ibid., h. 172.

¹⁵² Ibid., h. 173.

Menurut Abī Ṣāleḥ, takwil ayat di atas ialah Allah akan menghidupkan kamu di dalam kubur kemudian akan mematikan kamu sekali lagi.¹⁵³ Menurut Imam al-Ṭabarī, Abū Ṣāleḥ memahami perkataan امرات yang ada pada ayat di atas dengan mati disebabkan keluarnya ruh dari jasad. Sepatutnya perkataan امرات, وَكُلُّم امرات adalah perintah kepada ahli kubur setelah mereka dihidupkan dari kubur. Oleh itu, makna tersebut sangat jauh.¹⁵⁴

Daripada dua contoh di atas, nampaknya Imam al-Ṭabarī menyandarkan takwil al-Qur'ān kepada ucapan orang-orang Arab tetapi beliau tidak mudah menerima makna-makna yang tersebut, sekiranya jika makna tersebut tidak sejalan ataupun jauh dari apa yang dikehendaki dalam al-Qur'ān, maka beliau akan menolaknya. Demikian juga apabila makna tersebut ada dalam ucapannya tetapi tidak *masyhūr* (popular) atau *ma'rūf* (dikenal) maka yang demikian itu, beliau tidak segan untuk menolaknya.

5.15. Tidak Mengulang Persoalan Yang Telah Di Bahas

Imam al-Ṭabarī juga merupakan tokoh yang memiliki kemampuan berfikir yang sangat tinggi dan mendalam. Hal ini berdasarkan kepada tulisan atau karya-karya beliau yang ada sekarang ini. Oleh itu, beliau merupakan tokoh yang tidak suka mengulangi perbahasan yang telah disebutkan atau yang telah dibicarakan

¹⁵³ Tafsir al-Ṭabarī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 419.

¹⁵⁴ *Ibid.*

sama ada di dalam takwilnya ataupun di dalam kitab-kitab karangan beliau yang lain. Beliau tidak suka mengulanginya pada setiap perbahasan itu berkali-kali atau lebih sama kaitannya dengan ucapan, pendapat, analisis pendapat, perbincangan makna suatu lafaz dan sebagainya.

Imam al-Tabarī akan memberikan isyarat tertentu apabila perbahasan yang tengah dilakukannya itu telah dibincangkan pada fasal tertentu dari kitab takwilnya dengan menyebutkan sumber atau menjelaskan persoalan yang yang dibincangkan. Begitu juga apabila perbahasan itu berkait rapat dengan perbahasan yang akan beliau bahaskan kemudiannya. Apaila persoalan itu telahpun dibahaskan di dalam kitabnya yang lain, maka beliau akan memberikan isyarat atau tanda untuk itu. Misalnya, perbezaan pendapat berkenaan dengan sebab turunnya ayat di dalam ayat berikut:

﴿ لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيْرِ ﴾

Terjemahan:

"Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur)."

Surah al-Baqarah (2): 256.

Sebahagian ulama mengatakan bahawa ayat tersebut turun khusus kepada orang kafir dan tidak yang dinasakhkan daripada ayat tersebut.¹⁵⁵

¹⁵⁵ Tafsir al-Tabarī(1995), op. cit., j. 3, h. 24.

Pendapat lain mengatakan bahawa ayat tersebut dinasakhkan dan ianya turun sebelum diwajibkan berperang.¹⁵⁶

Bagi menyelesaikan perbezaan pendapat sebab turunnya ayat di atas, Imam al-Tabarī berpendapat, ayat tersebut diturunkan khusus kepada segolongan manusia iaitu dua ahli kitab, orang Majusi dan kepada setiap orang yang menyatakan dirinya mengikuti agama yang berbeza dengan agama yang hak (Islam).¹⁵⁷

Imam al-Tabarī telah menghuraikan secara lengkap hal tersebut dalam kitabnya “al-Latīf min al-Bayān ‘an ‘Uṣūl al-Āḥkām”¹⁵⁸ sehingga pada pembahasan ayat di atas, beliau tidak memberikan huraian secara lengkap dan menyeluruh kepada hal tersebut untuk kali keduanya. Beliau hanya menunjukkan kepada salah satu kitabnya sahaja yang membincangkan hal itu secara lengkap.

Contoh yang lain, sewaktu membahaskan makna نَكِّتَ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالثَّالِثِ أَجَمِيعِنَّ di dalam surah al-Baqarah ayat 161. Firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

﴿أَنْكِنَتْ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالثَّالِثِ أَجَمِيعِنَّ﴾

¹⁵⁶ *Ibid.*, h. 25.

¹⁵⁷ *Ibid.*,

¹⁵⁸ *Ibid.*,

Terjemahan:

"Mereka itulah orang-orang yang ditimpak laknat Allah dan malaikat serta manusia sekaliannya."

Surah al-Baqarah (2): 161.

Dalam perbincangan ini, Imam al-Tabarī tidak memberikan huraian lengkap makna laknat yang ada pada ayat di atas. Ini kerana, makna perkataan itu telahpun disebutkan pada perbahasan ayat sebelumnya iaitu dalam surah al-Baqarah ayat 159 sehingga pada perbahasan ini beliau tidak memberikan penjelasan panjang, cukupnya mengatakan, kami telahpun menerangkan makna laknat pada perbahasan sebelumnya dan tidak perlu diulanginya sekali lagi.¹⁵⁹

Demikianlah sikap Imam al-Tabarī sewaktu menulis kitab takwilnya. Beliau tidak pernah mengangkat kembali perbincangan yang telah diterangkan atau dibicarakan pada bahagian lain daripada kitabnya kerana menurutnya perbuatan mengulangi itu boleh menjadikan pembaca merasa bosan selain boleh melembazirkan masa. Justeru itu, perbuatan seumpama itu perlu dihindari agar karyanya tetap dinilai baik dimata umum.

5.16. Menggunakan Berbagai Cara Memperkayakan Makna al-Qur'an

Perbincangan ini mengupas tujuan Imam al-Tabarī memasukkan hadith-hadith yang berunsurkan cerita-cerita *isrā' īliyyāt*, hadith-hadith palsu atau juga sanad-sanad yang lemah yang membuat para ulama menilainya sebagai tidak jujur (negatif) dalam melengkapkan karya terbaik beliau tersebut.

¹⁵⁹ *Ibid.*, h. 79.

Sebagai contoh, penulis kemukakan makna satu hadith yang dibawakan oleh Imam al-Tabari semasa mentakwil ayat berikut:

﴿ فَأَنْزَلْنَاهُمُ الشَّيْطَانُ عَنْهَا ﴾

Terjemahan:

"Setelah itu maka Syaitan menggelincirkan mereka berdua dari syurga."

Surah al-Baqarah (2): 36.

Bagi takwil ayat di atas, Imam al-Tabari membawakan sebuah hadith yang maknanya seperti berikut:

"Daripada abī Harūn, berkata 'Umar, dari Asbāt, daripada al-Suddī, dalam satu khabar yang disebutkannya, daripada Abī Mälīk, daripada Abī Shālēh, daripada Ibn 'Abbās, daripada Murrah, daripada Ibn Mas'ūd, daripada seorang sahabat Nabi Muḥammad s.a.w. sewaktu Allah s.w.t. berfirman kepada Nabi Adam a.s., "Dan kami berfirman: "Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu dalam syurga dan makanlah daripada makanannya sepuas-puasnya daripada apa sahaja yang kamu berdua sukai dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan jadilah kamu dikalangan orang-orang yang zalim". Iblis ingin masuk ke syurga menemui Nabi Adam a.s. dan Hawa, namun dilarang oleh malaikat penjaga syurga. Lalu datanglah seekor ular yang memiliki empat kaki mirip seekor unta ia seperti haiwan ternakan. Iblis berkata kepadanya memohon dirinya masuk ke dalam mulutnya sehingga ia dapat masuk ke dalam syurga bertemu dengan Adam a.s.. Ular tersebut kemudian masukkan Iblis ke dalam mulutnya, lalu berjalan melewati penjaga syurga kemudian masuk sedang mereka tidak mengetahuinya. Hal ini seperti yang dikehendaki oleh Allah. Iblis berkata dari dalam mulut ular namun ucapannya tidak dihiraukan oleh Nabi Adam a.s. lalu Iblis keluar kepadanya dan berkata: "Wahai Adam, mahukah engkau, aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan kamu hidup selamalamnya dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?" Iblis berkata lagi, mahukah aku tunjukan sebuah pohon jika kamu memakannya, kamu akan menjadi malaikat atau kamu berdua akan

kekal tidak akan mati selama-lamanya. Iblis bersumpah kepada Allah terhadap kedua-duanya, sesungguh ia hanya menasihatinya."¹⁶⁰

Petikan hadith di atas merupakan sebahagian contoh daripada tajuk-tajuk yang dimaksudkan. Sekiranya kita meneliti kembali kepada kitabnya, penilaian ulama-ulama yang tidak baik (negatif) kepada karyanya itu adalah tidak tepat. Imam al-Tabarī telahpun mengingatkan hal ini berulang-ulang kali di dalam beberapa bahagian kitabnya. Di antaranya, kitab sejarah beliau ada menyebut:

﴿وَلِيَعْلَمَ الظَّانُورُ فِي كِتَابِنَا هَذَا أَنْ إِعْتِدَادِي فِي كُلِّ مَا حَضَرْتُ ذِكْرَهُ مِمَّا شَرَطْتُ أَنِّي رَاسِمُهُ فِيهِ، إِنَّمَا هُوَ عَلَى مَا رَوِيَتُ مِنَ الْأَخْبَارِ الَّتِي أَنَا ذَكَرْهَا فِيهِ، وَالآتَارُ الَّتِي أَنَا مُسِنْدُهَا إِلَى رُوَايَتِهَا فِيهِ، دُونَ مَا أَدْرِكَ بِحُجَّ الْعُقُولِ وَإِسْتِبْطِيلِ بِفَكِّ النُّفُوسِ، إِلَّا يُسِيرُ الْقَلِيلُ مِنْهُ، إِذَا كَانَ الْعِلْمُ بِمَا كَانَ مِنْ أَخْبَارِ الْمَاضِينَ، وَمَا هُوَ كَائِنٌ مِنْ أَنْبَاءِ الْحَادِثَيْنَ، غَمْرُ وَاصِلِ إِلَيْهِ مِنْ لَمْ يُشَاهِدُهُمْ وَلَمْ يُدْرِكْ زَمَانَهُمْ، إِلَّا يَأْخُبَرُ الْمَخْرِبِيْنَ وَتَقْلِي النَّاقِلِيْنَ، دُونَ إِسْتِخْرَاجِ بِالْعُقُولِ وَالْإِسْتِبْطَاطِ بِفَكِّ النُّفُوسِ. فَمَا يَكُونُ فِي كِتَابِي هَذَا مِنْ خَبْرٍ ذَكَرْتَهُ عَنْ بَعْضِ الْمَاضِينَ مِمَّا يَسْتَدِكِرُهُ قَارِئُهُ، أَوْ يَسْتَشْبِهُ سَامِعُهُ، مِنْ أَجْلِ أَنَّهُ لَمْ يَعْرِفْ لَهُ وَجْهًا فِي الصَّحَّةِ، وَلَا مَعْنَى فِي الْحَقِيقَةِ، فَلِيَعْلَمَ أَنَّهُ لَمْ يُوْتِ فِي ذَلِكَ مِنْ قِبْلَنَا، وَإِنَّمَا أَنِّي مِنْ قِبْلِ بَعْضِ نَاقِلِيهِ إِلَيْنَا، وَإِنَّمَا أَذِيَّنَا ذَلِكَ عَلَى تَحْوِي مَا أَدْهَى إِلَيْنَا﴾

¹⁶⁰ Tafsir al-Tabarī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 527.

Maksudnya:

“Agar diketahui pembaca kitab kami ini, bahawa pegangan saya pada setiap apa yang saya hadirkan sebutan di dalamnya, hanyalah mengikut syarat yang saya tuliskan iaitu apa yang saya riwayatkan daripada berita yang saya ingat dan athar yang saya sandarkan kepada perawinya tanpa didasari dengan nalar dan istinbat dengan fikiran yang jernih. Hanya sedikit sekali yang tidak begitu. Jika mengetahui ada berita tentang masa lalu dan tetap diceritakan hingga sekarang, diterima daripada orang yang tidak melihat atau menemui masanya, kecuali melalui cerita dan pembawa berita tanpa memberikan pendapat dan istinbat fikiran yang jernih. Apa yang ada dalam kitab saya ini daripada cerita yang saya sebutkan tentang masa lalu, yang menjadi asing kepada setiap pembaca atau pendengar kerana tidak mengetahui kebenaran cerita tersebut dan hakekatnya. Maka ketahuilah, itu tidak datang dari kami, namun itu datang dari pembawa cerita yang saya terima. Kami menyampaikan hal itu seperti yang saya terima.”¹⁶¹

Pendirian Imam al-Tabarī itu boleh dikaitkan dengan pendirian beliau tentang *i'rāb* suatu kalimat. Misalnya, sewaktu membahaskan takwil pada perkataan *غُمِّ الْمَهْرُوبِ* yang ada dalam surah al-Fātiḥah. Kaitanya dengan takwil tersebut, beliau memberikan beragam pelbagai cara (*alternative*) takwil mengikut keseragaman *i'rāb* yang ada pada kalimat tersebut berpandukan kepada pendapat-pendapat ulama. Menurut beliau, perbezaan *i'rāb* pada kalimat itu membawa kepada perbezaan dari segi takwil. Kami perlu menyingkap pelbagai *i'rāb* agar boleh membuka ruang kepada kepelbaikan takwil pada ayat tersebut berkenaan perselisihan di antara takwil dan *qirā'ahnya*.¹⁶²

¹⁶¹ Hasan al-Bāz (1992), *op. cit.*, j. 2, h. 17.

¹⁶² Tafsir al-Tabarī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 184.

Berdasarkan beberapa fakta yang dinyatakan di atas, Maḥmūd Muḥammad Syākir dan Aḥmad Muḥammad Syākir memberikan beberapa alasan semasa mentaḥqīq (verifikasi) kitab takwil Imam al-Ṭabarī, di antaranya:

"*Istidlāl* Imam al-Ṭabarī dengan apa yang diengkari oleh kebanyakkan orang hanyalah bagi menjelaskan makna kepada makna-makna yang ditunjukkan lafaz al-Qur'ān al-Karīm sama seperti menonjolkan makan-makna lafaz melalui syair. Oleh itu, *istidlāl* beliau hanyalah bersifat bahasa, sama ketika ber*istidlāl* dengan syair yang dituduh sebagai pembohong kepada penuturnya tetapi isi bahasanya itu tidak mengandungi apa-apa. Ia hanyalah untuk menjelaskan lafaz al-Qur'ān sebagaimana mereka terdahulu memahaminya sama ada para Sahabat r.a. atau tabi'in."¹⁶³

Begitu juga seperti yang dicatatkan di dalam *muqaddimah*:

"Ramai ulama mencela Imam al-Ṭabarī kerana di dalam kitabnya mengumpulkan banyak riwayat salaf yang membaca kitab dan mereka menerapkannya kepada makna-makna al-Qur'ān apa yang mereka terima dari dua riwayat ahli kitab salaf; Taurat dan Injil. Aku ingin menjelaskan cara Imam al-Ṭabarī *istidlāl* dengan riwayat-riwayat semacam ini satu persatu dan menjelaskan kesalahan orang dalam memahami maksudnya. Imam al-Ṭabarī sama sekali tidak menjadikan riwayat-riwayat tersebut mendominasikan kitab al-Qur'ān yang tiada kebatilan (...) *istidlāl* beliau dengan riwayat-riwayat tersebut hanyalah seperti *istidlāl* dengan syair-syair klasik bagi memahami makna kalimat atau bagi memahami *dalālah siyāq* kalimat."¹⁶⁴

Alasan-alasan yang dikemukakan oleh Imam al-Ṭabarī sebagaimana yang difahami oleh Maḥmūd Muḥammad Syākir ataupun Aḥmad Syākir menjelaskan bahawa tujuan Imam al-Ṭabarī memasukkan cerita-cerita *isrā' iliyāt* dalam kitabnya bukanlah bertujuan menjadikan cerita tersebut sebagai sebahagian takwil terhadap kitab al-Qur'ān yang perlu diyakini kebenarannya, akan tetapi ia

¹⁶³ *Ibid.*, h. 454.

¹⁶⁴ *Ibid.*, h. 17.

hanyalah sebagai salah satu unsur daripada unsur-unsur yang boleh memperkayakan makna al-Qur'an.

5.17. Menggunakan Metode Perbandingan Untuk Memilih Makna Yang Terbaik

Imam al-Tabari menggunakan metode *al-hawli*¹⁶⁵ dalam memahami berbagai riwayat berkaitan dengan tajuk permasalahan dibincangkannya. Ianya sama ada berkaitan dengan sebab turunnya ayat, makna ayat, *qirā'ah*, *i'rāb* kalimat dan sebagainya. Sehingga pada setiap ayat yang beliau takwil, terdapat beberapa lagi riwayat hadith atau pendapat ulama yang beragam dan berbeza dalam masalah yang sama. Teori ini seakan-akan tidak melepaskan satupun pendapat ulama atau hadith Nabi yang berhubung kait dengan takwil ayat. Contoh yang berkaitan, seperti makna perkataan **الْغَفْرَةِ** pada ayat berikut:

﴿ وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ ﴾

Terjemahan:

"Dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: "Dermakanlah-apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu)."

Surah al-Baqarah (2): 219.

Dalam ayat di atas, Imam al-Tabari membawakan 17 riwayat pendapat yang dibawakan dengan bermacam-macam sanad. Ibn Mas'ud mentakwilkan

¹⁶⁵ Lihat h. 5.

perkataan tersebut dengan lebihan harta,¹⁶⁶ demikian juga yang disebutkan oleh Ibn ‘Abbās, Qatādah, ‘Atā’, al-Suddī, Ibn Zayd, al-Ḥasan al-Baṣrī dan Ḥawwāṣ bin Kaysān. Sedangkan pendapat lain mengatakan bahawa makna ‘النَّفْرُ’ itu ialah sederhana bersedekah, tidak melampau dan tidak terlampaui berjimat.¹⁶⁷ Ada juga yang mengatakan bahawa perkataan tersebut membawa maksud apa yang baik dari harta-harta kamu.¹⁶⁸

Selain itu, beliau juga membawakan 4 hadith yang berkaitan dengan takwil ayat di atas. Di antaranya ḥāfiẓ yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allah seperti berikut:

﴿عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكَثَرُهُ قَالَ: إِرْضَحْ مِنَ الْفَضْلِ،
وَابْدِأْ بِمَنْ تَعُولُ، وَلَا تُلَامُ عَلَى كَفَافٍ﴾

Maksudnya:

“Dari pada ‘Abd Allah, dari pada Nabi Muḥammad s.a.w sessungguhnya baginda bersabda: Berikanlah sedikit dari lebihan kepada orang miskin agar orang lain yang menahan tidak mencela kamu.”¹⁶⁹

Setiap hadith yang dikemukakan atau pendapat-pendapat yang dibawa oleh Imam al-Ṭabarī telah pun melalui penelitian, analisis yang bersungguh-sungguh serta pertimbangan yang saksama. Setiap yang beliau kemukakan itu ada disebutkan di dalam hadith Nabi Muḥammad s.a.w. atau juga pernah dikemukakan oleh ulama sebelumnya, walaupun pada masa yang sama beliau

¹⁶⁶ Tafsir al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 495.

¹⁶⁷ *Ibid.*, h. 496.

¹⁶⁸ *Ibid.*, h. 497.

¹⁶⁹ *Ibid.*, h. 498.

seringkali mengemukakan pendapat-pendapat yang berbeza dengan ulama terdahulu.

5.18. Mengutamakan Takwil Daripada Ulama Salaf

Imam al-Tabarī merupakan tokoh yang sangat menghargai pendapat-pendapat ulama salaf ketika mentakwil ayat-ayat al-Qur'ān. Ulama-ulama salaf¹⁷⁰ yang di maksudkan di sini adalah terdiri daripada golongan Sahabat r.a., tabi'in dan ulama-ulama takwil sebelumnya. Beliau menjadikan ucapan mereka itu sebagai benteng yang sukar ditembusi atau dikalahkan. Sekiranya ditemukan pendapat yang berlawanan dengan ucapan kaum salaf, maka beliau akan menolaknya terutama apabila pendapat itu dikemukakan oleh golongan yang tidak sealiran dengannya seperti golongan Qadariyyah. Misalnya, takwil pada ayat berikut:

﴿إِنَّا نَنْهَاكُمْ عَنِ الصَّرْطَانِ﴾

Terjemahan:

"Tunjukilah kami jalan yang lurus."

Surah al-Fātiḥah (1): 6.

Imam al-Tabarī mentakwil perkataan ﴿إِنَّا نَنْهَاكُمْ﴾ dengan semoga Allah memberikan taufik kepada kita agar tetap kepadaNya¹⁷¹ Ini bersesuaian dengan takwil yang diberikan oleh Ibn 'Abbās. Manakala golongan Qadariyyah¹⁷²

¹⁷⁰ Lihat h. 13.

¹⁷¹ Tafsir al-Tabarī (1998), op. cit., j. 1, h. 166.

¹⁷² Lihat h. 80.

mentakwilkan bahawa perkataan tersebut bermakna tambahanlah kepada kami hidayah sama ada tambahan dalam penjelasan atau tambahan dalam pertolongan dan taufik. Golongan Qadariyyah membuat pemahaman bahawa setiap yang diperintahkan atau yang ditaklifkan merupakan kefarduan atau kewajipan di mana Allah s.w.t. telah memberikan pertolongan ke atas hamba-hambaNya.¹⁷³

Imam al-Tabarī menolak pendapat yang dikemukakan oleh golongan Qadariyyah tersebut kerana ia menyalahi hujah ulama takwil. Kebanyakkan ulama takwil daripada Sahabat r.a. dan tabi'in sebulat suara mengatakan bahawa perkataan ﴿إِيمَانٌ﴾ bermakna tetap pada petunjuk Allah s.w.t. selama mana umur masih ada.¹⁷⁴

Selanjutnya, Imam al-Tabarī mengatakan, kalaular yang dimaksudkan golongan Qadariyyah iaitu tambahan dalam memberikan penjelasan, maka tidak ada alasan baginya kerana Allah s.w.t. tidak akan memberikan sebarang taklif kepada hambanya sebelum dibawakan penjelasan atau dalil ke atas taklifan tersebut. Demikian juga jika yang dimaksudkan oleh golongan tersebut iaitu tambahan berupa pertolongan dan taufik. Jika demikian, maka persoalan itu ditunjukkan kepada perbuatan-perbuatan yang telah lalu atau perbuatan-perbuatan yang sedang berlaku dan bukan kepada perbuatan-perbuatan yang akan terjadi. Oleh itu, seorang hamba akan meminta taufik kepada Allah s.w.t. bagi melaksanakan apa sahaja kefarduan yang ditaklifkan sepanjang usianya dimasa-masa akan datang.¹⁷⁵

¹⁷³ Tafsir al-Tabarī (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 168.

¹⁷⁴ *Ibid.*, h. 169.

¹⁷⁵ *Ibid.*, h. 168.

Contoh yang lain dalam mentakwil perkataan **غَنْبَتْ** yang bererti marah pada ayat berikut:

﴿غَيْرِ الْمَفْضُوبِ عَلَيْهِمْ﴾

Terjemahan:

"Bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murka."

Surah al-Fātiḥah (1): 7.

Sesetengah ulama berpendapat, bahawa perkataan tersebut bermakna kemurkaan Allah s.w.t kepada sesiapa yang dimurkai dari mahluk-mahluknya dengan menimpaan siksa kepadanya sama ada di dunia atau pun juga di akhirat. Sesetengah ulama yang lain mengatakan, bahawa perkataan tersebut bermakna kemurkaan Allah s.w.t. kepada sesiapa yang dimurkai daripada hamba-hambanya dengan mencela perbuatan dan mencaci mereka dengan ucapan. Ada juga yang berpendapat, bahawa makna tersebut seperti yang difahami dari makna-makna **غَنْبَتْ**. Menurut Imam al-Tabarī, kalaularah demikian maknanya, maka harus dari segi *ithbāt* (ketetapan) berbeza maknanya dengan makna **غَنْبَتْ** yang ada pada diri manusia yang sentiasa membuat resah, gelisah, susah dan menyakiti mereka. Ini kerana, Allah s.w.t. tidak layak bagi zatNya mempunyai sifat yang cacat namun harus bagi Allah s.w.t. mempunyai sifat-sifat sedemikian seperti halnya sifat *al-'ilm* (Maha Mengetahui) dan *al-qudrah* (kekuatan).¹⁷⁶

¹⁷⁶ *Ibid.*, h. 189.

Pendirian Imam al-Tabarī selari dengan pendirian ulama-ulama salaf dari kalangan Sahabat r.a. dan tabi'in yang menetapkan sifat-sifat tersebut dengan hanya mengithbātkan kepada Allah sahaja meskipun sifat-sifat tersebut ada pada diri manusia. Hal ini berbeza dengan golongan Qadariyyah atau Jahmiyyah yang menyamakan sifat-sifat Allah s.w.t. tersebut dengan sifat-sifat yang dimiliki oleh manusia.

5.19. Berdiam Dalam Menghadapi Ayat-Ayat Mubham

Imam al-Tabarī merupakan tokoh takwil yang sangat konsisten berpegang kepada metodologinya. Salah satunya adalah menolak sebarang takwil yang tidak berasas. Berpijak kepada asas tersebut, beliau sentiasa bersikap diam tidak memberikan komentar atau pendapat sewaktu dihadapkan kepada ayat-ayat *mubham* (samar-samar) yang tidak ditemukan sebarang dalil untuk memperkuat kepada ayat *mubham* tersebut sama ada daripada hadith Nabi Muhammad s.w.t. atau lainnya.

Dalam pikiran Imam al-Tabarī, tentu Allah s.w.t meletakkan ayat-ayat *mubham* dalam al-Qur'ān ianya menyimpan maksud tertentu yang dikehendaki olehNya. Kaitannya dengan ayat-ayat *mubham*, Imam al-Tabarī ada mengatakan, "bagi kita tidak penting mengetahui nama seseorang kerana maksud daripada ayat al-Qur'ān bukan tujuannya untuk memberitahu makhluk nama orang yang mengucapkan tersebut."¹⁷⁷

¹⁷⁷ *Ibid.*

Imam al-Zarkasyi ada mengatakan “ janganlah dicari-cari sesuatu yang *mubham* yang mana hal itu di sembunyikan beritanya oleh Allah s.w.t dengan ilmuNya.¹⁷⁸

Contohnya seperti nama seseorang yang di berdebat dengan Nabi Ibrāhim pada ayat berikut ini.

﴿ أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِي حَاجَ إِبْرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ أَنْ يَأْتِهِ اللَّهُ الْكَلْمَنُ ﴾

Terjemahan:

“Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrāhim (dengan sombongnya) mengenai Tuhananya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan.”

Surah al-Baqarah (2): 258.

Menurut Imam Mujāhid, Zayd bin Aslām, Rabi' dan Qatādah, oarang yang berhujjah dengan Nabi Ibrāhim a.s. adalah Namrūdh bin Kan'ān, yang nama lengkapnya, Namrūdh bin Kan'ān bin Kūsy bin Sām bin Nūh.¹⁷⁹ Akan tetapi, meskipun ada ulama takwil yang menentukan nama orang yang berhujjah dengan Nabi Ibrāhim a.s. Imam al-Tabārī tctap tidak memberikan sebarang pendapat atau kata penentu berkaitan dengan nama orang yang ada pada ayat tersebut.

¹⁷⁸ Al-Suyūfi (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 80.

¹⁷⁹ Tafsir al-Tabārī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 34.

Berbeza dengan Ibn Kathir, kata beliau orang yang berhujjah dengan Nabi Ibrāhīm a.s. adalah Namrūdh bin Kan‘ān bin Kūsy bin Sām bin Nūh,¹⁸⁰ demikian juga dikatakan oleh Imam al-Qurtubī.¹⁸¹

Pendirian beliau yang demikian itu diterapkan kepada ayat-ayat yang turun kerana sikap seseorang. Misalnya sahaja pada ayat berikut ini.

﴿وَمِنَ النَّاسِ مَن يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيُشَهِّدُ اللَّهَ عَلَىٰ مَا فِي قَلْبِهِ وَهُوَ أَلَّا يَحْصُمَ﴾

Terjemahan:

“Dan di antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya), dan ia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal ia adalah orang yang amat keras permusuhanya (kepadamu).”

Surah al-Baqarah (2): 204.

Kaitannya dengan sebab turunnya ayat di atas, Imam al-Tabarī lebih memilih kepada pendapat Ibn ‘Abbās,¹⁸² kata beliau ayat tersebut turun kepada seseorang daripada golongan munafik. Beliau tidak menjelaskan siapa nama orang munafik terebut. Padahala menurut al-Suddī, ayat tersebut turun kepada Ahknas bin Syariq al-Thaqafi.¹⁸³

¹⁸⁰ Tafsir Ibn Kathir (t.t.), *op. cit.*, j. , h. 314.

¹⁸¹ Tafsir Ibl-Qurtubī (1993), *op. cit.*, j. 2, h. 184.

¹⁸² Tafsir al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 428.

¹⁸³ *Ibid.*, h. 425.